

**Bil. 59**

**Isnin  
11 Disember 1995**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

## KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1996**  
**Jawatankuasa:**

Maksud B. 48	(Ruangan 18)
Maksud B. 49	(Ruangan 24)
Maksud B. 50	(Ruangan 56)

### **USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1996**

**Jawatankuasa:**

Maksud P. 48	(Ruangan 18)
Maksud P. 49	(Ruangan 24)
Maksud P. 50	(Ruangan 56)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI  
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI  
ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.,  
D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,  
P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI  
RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI  
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.  
(Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S.,  
D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN  
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,  
J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN  
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.  
(Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,  
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW  
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,  
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- ” Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- ” Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSUBIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- ” Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- ” Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- ” Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- ” Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL. P.J.K. (Hulu Selangor).
- ” TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- ” TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- ” TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- ” TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- ” TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- ” DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K. (Lipis).
- ” DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- ” TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- ” TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- ” TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- ” DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).

- Yang Berhormat PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- ” TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
  - ” DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
  - ” TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
  - ” DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
  - ” DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
  - ” TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
  - ” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
  - ” TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
  - ” TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
  - ” TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
  - ” PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
  - ” TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
  - ” TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
  - ” TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
  - ” TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
  - ” DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
  - ” TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
  - ” TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
  - ” TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
  - ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
  - ” TUAN MOHAMED KILALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
  - ” DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
  - ” DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
  - ” TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
  - ” TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
  - ” TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
  - ” TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
  - ” DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
  - ” DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
  - ” TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
  - ” TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
  - ” DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
  - ” TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
  - ” TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).



- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIOW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah).

## DEWAN RAKYAT

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

## CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Hajah Kalsom binti Ghazali. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Rozita binti Abd. Samad. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

## CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.
--------------------	--

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Isnin, 11hb Disember, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul  
2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

PELAJARAN SAINS/  
MATEMATIK BAHASA  
INGGERIS—KELEMAHAN  
PENGUASAAN OLEH PELAJAR  
BUMIPUTERA

1. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin  
minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) permasalahan sebenar berkenaan kelemahan penguasaan para pelajar hari ini, khususnya pelajar bumiputera di dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan bahasa Inggeris serta langkah-langkah khusus Kementerian Pendidikan bagi mengatasi permasalahan tersebut dengan pengkhususan terhadap para pelajar di luar bandar; dan
- (b) langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan kemudahan pembelajaran seperti penyediaan makmal-makmal bahasa yang serba lengkap, kemudahan pembelajaran komputer dan lain-lain untuk sekolah-sekolah luar bandar yang sememangnya agak ketinggalan dari segi ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan**  
**(Datuk Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang  
di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan mendapati ada tiga faktor utama yang menyebabkan kelemahan penguasaan para pelajar dalam mata-mata pelajaran Sains, Matematik dan bahasa Inggeris. Faktor-faktor tersebut adalah faktor sekolah, faktor guru dan faktor murid. Pengaruh persekitaran terutamanya status sosio-ekonomi keluarga juga mempengaruhi pencapaian pelajar pada peringkat sekolah rendah dan menengah.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi ialah dengan:

- (i) mengambil tindakan memperbetulkan (corrective measures) di sekolah rendah kerana dengan cara ini akan lebih meninggalkan kesan kerana masalah-masalah pembelajaran belum lagi terkumpul dan bersifat kumulatif;
- (ii) menubuhkan Jawatankuasa Petugas di semua peringkat pusat, negeri dan daerah yang bertindak sebagai satu mekanisme untuk menyelaraskan kesemua projek dan kegiatan bagi meningkatkan prestasi Sains, Matematik dan bahasa Inggeris;
- (iii) Projek Bimbingan Khas Matematik dilaksanakan bagi membantu pelajar-pelajar lemah di Tingkatan Satu menguasai kemahiran asas dalam tajuk-tajuk tertentu;

- (iv) menganjurkan aktiviti-aktiviti penggalakan Matematik seperti Kem Matematik, Jejak Matematik, Olimpiad Matematik bagi sekolah menengah dan Kuiz Matematik bagi sekolah rendah; dan
- (v) menganjurkan aktiviti peningkatan profesionalisme guru Matematik dan Sains. Pada tahun 1995 Kementerian Pendidikan mula menghantar sekumpulan guru sekolah rendah dan menengah dengan memberi keutamaan bagi mereka yang mengajar di luar bandar untuk mendapat latihan dan pendedahan dalam pendidikan Matematik di luar negara.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sedang melaksanakan pembelajaran komputer yang mana akan dibuat secara berperingkat-peringkat. Buat permulaannya 110 buah sekolah menengah telah dilengkapi dengan sebuah makmal komputer. Adalah dijangkakan menjelang akhir Rancangan Malaysia Ketujuh, semua sekolah menengah seluruh negara akan mempunyai sekurang-kurangnya sebuah makmal komputer yang mempunyai kelengkapan yang lengkap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini kementerian hanya menyediakan makmal bahasa di Sekolah Menengah Berasrama Penuh yang menyediakan pembelajaran bahasa ketiga. Bagi sekolah-sekolah lain belum lagi dilengkapi dengan kemudahan ini dan bergantung kepada keperluan pada masa akan datang.

**Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam bilik darjah itu guru-guru hanya lebih menumpukan kepada papan hitam dan kapur ataupun "talk and chalk", dengan izin, tanpa memberi pendedahan secara praktikal di mana pelajar-pelajar boleh mengalami perkara atau subject sendiri?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan ada kelas-kelas di mana guru-guru ini tidak memberi sesi praktikal yang lengkap untuk murid-murid mengulangi pembelajaran mereka. Untuk mengatasi masalah itu, Kementerian Pendidikan telah mengarahkan semua sekolah untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh "reinforce", dengan izin, pembelajaran di dalam kelas. Aktiviti-aktiviti itu ialah seperti khemah atau Kem Matematik, pertandingan dalam Matematik, pertandingan dalam bahasa Inggeris dan sebagainya.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi telah dinyatakan bahawa salah satu kelemahan ketiga-tiga mata pelajaran tersebut ialah kerana guru. Adakah pihak kementerian sedar kebanyakan guru yang mengajar ketiga-tiga mata pelajaran ini adalah terdiri daripada guru-guru yang bukan opsyennya, ertinya guru-guru daripada opsyen yang lain tetapi telah diminta mengajar mata pelajaran yang bukan latihan yang mereka dapati di maktab. Apakah langkah-langkah yang kementerian ambil atau memastikan guru-guru yang benar-benar layak mengajar di ketiga-tiga mata pelajaran ini?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang juga tidak boleh dinafikan bahawa ada sekolah-sekolah tertentu, khususnya sekolah-sekolah di luar bandar di mana Kementerian Pendidikan menghadapi kekurangan guru-

guru dalam opsyen atau kepakaran Sains, Matematik dan bahasa Inggeris. Sebagai langkah sementara, Kementerian Pendidikan memberi latihan kepada guru-guru yang opsyen lain bagi membolehkan mereka mengajar dalam subjek atau mata pelajaran tersebut. Dari segi jangka panjang, Kementerian Pendidikan telah memperluaskan pengambilan calon-calon ke maktab perguruan untuk ketiga-tiga mata pelajaran itu, iaitu Sains, Matematik dan bahasa Inggeris. Adalah diharapkan dengan mempermainkan calon-calon atau graduan-graduan dari maktab perguruan dalam mata pelajaran tersebut, Kementerian Pendidikan akan dapat mengatasi masalah itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mansor bin Masikon.

*(Soalan No. 2—Y.B. Tuan Mansor bin Masikon tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem.

**Tuan Richard Riot Anak Jaem:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu ada pembetulan untuk soalan (b). Perkataan "akan ditutup" sepatutnya digantikan dengan perkataan "akan diturap". Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan diturap. Baiklah.

#### JALAN DUA HALA KUCHING KESERIAN—PEMBINAAN

3. **Tuan Richard Riot Anak Jaem** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bilakah jalan dua-hala (dual carriageway) dari Kuching ke Serian akan dibina; dan
- (b) bilakah Jalan Tebakang-Mongkos akan diturap.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Railey bin Haji Jaffrey):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Kementerian Kerja Raya telah mengemukakan cadangan membina jalan "dual carriageway" atau dua hala daripada Batu 10 ke Batu 24 Jalan Kuching ke Serian dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Walau bagaimanapun, ianya bergantung kepada kelulusan kerajaan.

(b) Itulah Yang Berhormat sebutkan tadi pembetulan, saya beranggapan bahawa yang dimaksudkan ialah bukan "ditutup" tetapi "diturap". Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jalan yang dimaksudkan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, jadi pihak Kementerian Kerja Raya Persekutuan tidak mempunyai maklumat lanjut tentang soalan ini. Terima kasih.

**Tuan Richard Riot Anak Jaem:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, pembinaan dual carriageway ini mungkin akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Ketujuh ini adalah bermula dari tahun 1996 hingga tahun 2000. Jadi, soalan tambahan saya, memandangkan masa lima tahun ini adalah jangka masa yang panjang, adakah kerajaan bercadang untuk membina lane ketiga di beberapa tempat strategik di sepanjang jalan Kuching-Serian ini bagi membolehkan kenderaan potong memotong. Terima kasih.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, soal membina lane ketiga ini tertakluk kepada kehendak atau keperluan trafik di negeri Sarawak sepertimana yang dinyatakan oleh pihak

berkuasa Kerja Raya Negeri Sarawak. Setakat ini apa yang dimajukan kepada pihak kami untuk projek yang dikendalikan di bawah Kementerian Kerja Raya Persekutuan ialah sepanjang 10 batu atau 22.5 kilometer sahaja untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

*(Soalan No. 4—Y.B. Tuan Tiong Thai King tidak hadir)*

#### ANTI-HADIS—TINDAKAN TERHADAP GOLONGAN MURTAD

5. **Dr. Sanusi bin Daeng Mariok** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang telah dan yang akan diambil ke atas golongan anti-hadis setelah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan memutuskan di dalam muzakarahnya bahawa golongan anti-hadis adalah murtad. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengadakan majlis taubat kepada mereka yang dikenalpasti termasuk di dalam golongan anti-hadis.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua, setelah muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bersepakat memutuskan bahawa golongan anti-hadis adalah menjadi murtad, keputusan ini telah diserahkan kepada pihak berkuasa agama negeri-negeri untuk mengeluarkan fatwa rasmi dan seterusnya mewartakannya. Pihak berkuasa agama negeri-negeri pula boleh mengambil tindakan ke atas mereka yang terlibat dalam kumpulan ini sama ada mendakwa mereka di mahkamah atau memanggil mereka supaya bertaubat. Pada masa ini langkah-langkah tersebut sedang dikaji oleh pihak berkuasa agama negeri-

negeri mengikut peruntukan dan bidang kuasa yang ada pada mereka.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin tahu siapakah pihak-pihak yang terlibat dengan muzakarah itu dan bila agaknya pihak berkuasa negeri akan menguatkuasakan fatwa yang rasmi? Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, pihak yang terlibat dengan muzakarah ini ialah pihak ulama dan juga pegawai-pegawai kanan kerajaan yang telah ditentukan. Tentang keputusan yang diambil oleh negeri-negeri, pertama, ialah mewartakan bahawa keputusan muzakarah itu siapa yang anti-hadis adalah murtad, buat masa ini hanya Jabatan Agama Wilayah Persekutuan telah mewartakan bahawa sesiapa yang anti-hadis adalah murtad. Bagi negeri-negeri lain sedang dalam proses mewartakannya.

#### INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI KHAS UNTUK PENGAJIAN AL-QURAN DAN HADIS

6. **Tuan Hamzah bin Ramli** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan Institut Pengajian Tinggi khusus untuk pengajian Al-Quran dan Hadis yang meliputi kursus-kursus seperti Tahfiz, Usul-Fiqh dan sebagainya dalam usaha untuk mengembalikan semula keagungan agama sejajar dengan perkembangan masa kini.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan buat masa ini tidak berhasrat untuk menubuhkan institusi pengajian tinggi khas untuk pengajian Al-Quran dan Hadis. Walau bagaimana-

pun, program pengajian meliputi kursus-kursus seperti Tahfiz dan Usul-Fiqh dan sebagainya boleh diperkukuhkan di universiti yang kini menawarkan program pengajian Islam seperti di UIA, UM, UKM dan universiti-universiti lain yang ada menawarkan program berkenaan.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sungguhpun dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa institut pengajian tinggi khusus bagi maksud yang disebut tidak akan ditubuhkan, namun adakah kerajaan akan menggalakkan agar pengajian ini dapat diadakan "twin programme" dengan universiti-universiti luar seperti universiti di Mesir, Jordan, Madinah dan sebagainya demi untuk membolehkan ramai lagi penuntut-penuntut kita belajar dalam bidang yang berkenaan?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan bukan sahaja menggalakkan tetapi mengalu-alukan penglibatan pihak-pihak swasta dalam usaha memperluaskan program-program pendidikan mengikut keperluan masyarakat. Dalam konteks ini Kementerian Pendidikan memang bukan sahaja akan menggalakkan tetapi akan memberikan bantuan kepada pihak-pihak tertentu yang ingin, yang bersetuju dan yang mempunyai kepakaran untuk menubuhkan program-program dalam pengajian Islam dengan universiti-universiti antarabangsa yang terkenal.

#### **PDRM—PENGALIRAN KELUAR TENAGA MAHIR**

**7. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan semakin banyak anggota dan Pegawai Polis pakar seperti UTK yang telah meninggalkan

PDRM kerana dipancing oleh pihak-pihak tertentu sebagai pegawai peribadi mereka, atau menjadi pegawai keselamatan syarikat;

- (a) bagaimana PDRM memastikan anggota-anggota berkenaan tidak membawa bersama mereka rahsia-rahsia dan keistimewaan taktikal PDRM; dan
- (b) apakah usaha PRDM menyekat pengaliran keluar tenaga-tenaga mahir dan pakar ini memandangkan banyak masa dan wang telah dilaburkan untuk mewujudkan mereka.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi memastikan rahsia rasmi kerajaan dan strategi PDRM tidak dibocorkan oleh anggota dan pegawai polis yang meninggalkan perkhidmatan dengan PDRM, pegawai dan anggota berkenaan dikehendaki menandatangani sijil meninggalkan perkhidmatan yang antara lainnyanya mengingatkan bahawa mereka masih terikat kepada Akta Rahsia Rasmi 1972.
- (b) Bagi menyekat pengaliran keluar tenaga-tenaga mahir dalam pasukan polis seperti UTK, pihak kerajaan telah memberi insentif kepada anggota yang terlibat seperti elaun khas dan mereka juga diberi peluang untuk memangku pangkat yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kerajaan khususnya Polis DiRaja Malaysia tidak mampu menyekat sepenuhnya pengaliran keluar tenaga mahir ini.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun bekas anggota polis terikat dengan Akta Rahsia dan polis tidak mampu untuk menyekat anggotanya

meninggalkan perkhidmatan, adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa peluang naik pangkat merupakan salah satu daripada sebab kenapa anggota polis dari kumpulan tertentu seperti di dalam UTK dan juga misalnya dalam band polis yang bijak menyanyi, kalau dia menyanyi di luar kita dapati pendapatan mereka melebihi daripada gaji seorang anggota polis. Jadi, adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengkaji kemungkinan bagi memudahkan banyak peluang kenaikan pangkat bagi anggota yang mempunyai kebolehan-kebolehan istimewa?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang Polis DiRaja Malaysia sentiasa mencari peluang yang lebih untuk anggota-anggota polis yang prestasi mereka baik, sama ada untuk naik pangkat atau untuk memangku sesuatu jawatan yang lebih tinggi dan juga mereka sentiasa ditimbang untuk diberi elaun dan gaji itu adalah satu soal yang bukan boleh kita kaji pada bila-bila masa. Ia ada implikasi untuk perkhidmatan awam pada keseluruhannya. Walau bagaimanapun, kerajaan masih berpendirian bahawa anggota polis PDRM perlu ada mempunyai satu sikap jangan terlalu hanya pentingkan gaji sahaja. Dari segi kepuasan, penghormatan kerjayanya dan sebagainya, itu juga satu faktor yang penting untuk diingati.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin.

(Soalan No. 8—Y.B. Tuan Henrynus Amin tidak hadir)

#### BANTUAN TANAM SEMULA— PERUNTUKAN TAMBAHAN

9. Dato' Hon Choon Kim minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

(a) syarat-syarat untuk mendapat bantuan tanaman semula getah yang diberikan oleh RISDA;

- (b) bilangan permohonan dan jumlah wang yang telah diluluskan bagi tahun 1995; dan
- (c) adakah kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan ini supaya permohonan yang layak akan mendapat bantuan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Syarat-syarat penting untuk mendapat bantuan tanaman semula getah RISDA adalah;

(i) pemohon hendaklah terdiri daripada pekebun kecil. Tanah yang hendak ditanam semula hendaklah mengandungi pokok getah tua atau pokok getah matang yang telah ditoreh dan tidak ekonomi lagi;

(ii) pemohon hendaklah mempunyai surat hak milik yang sah bagi getah tua yang hendak ditanam semula. Tanaman utama yang akan ditanam hendaklah terdiri daripada tanaman yang diluluskan oleh RISDA. Ini termasuk getah, kelapa sawit dan buah-buahan. Keluasan tanah yang hendak ditanam semula tidak kurang dari 1.4 hektar.

(b) Bagi tahun 1995, sebanyak 19,500 permohonan pekebun kecil bagi mendapat bantuan tanaman semula yang melibatkan lebih kurang 40,000 hektar telah diluluskan. Jumlah peruntukan yang terlibat dengan kelulusan ini ialah sebanyak RM198,939,000.

(c) Bagi tahun-tahun seterusnya kerajaan akan meneruskan program tanaman getah semula



pada kadar lebih kurang dengan apa yang diluluskan sekarang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kayu getah merupakan satu komoditi balak yang amat berharga sekarang ini. Dan penanaman semula pokok getah oleh RISDA sekarang ini menimbulkan satu kontroversi. Oleh kerana pihak tuan punya pekebun kecil mendakwa RISDA sekarang ini mengambil kayu getah itu dikontrakkan kepada orang lain, dan pihak pekebun kecil tidak mendapat apa-apa pun daripada pengambilan ini. Adakah perkara ini benar, dan bagaimana perkara ini boleh berlaku?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya keadaannya ialah RISDA menghendaki pekebun-pekebun kecil ini untuk menjual getah ini kepada koperasi. Ini adalah diusahakan oleh syarikat-syarikat usahasama antara koperasi dengan pihak swasta.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Buat masa ini, RISDA sedang mengadakan kempen tanam semula. Apakah puncanya sehinggakan RISDA terpaksa berkempen. Adakah orang sudah tidak berminat hendak tanam pokok getah lagi?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** RISDA berkempen bukan kerana orang tidak berminat. Tetapi kita akan menggerakkan usaha menanam semula getah ini supaya ianya dapat mencapai satu matlamat yang ditentukan oleh RISDA.

#### BANTUAN SUBSIDI/RACUN KEPADA PETANI—TAMBAHAN

10. **Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah rancangan kerajaan untuk:

- (a) menambah pemberian subsidi kepada petani-petani; dan
- (b) memberi bantuan racun kepada petani-petani.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Dato' Abu Bakar bin Taib):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tidak bercadang mengkaji semula pemberian subsidi kepada petani-petani sama ada subsidi harga padi, subsidi baja padi atau subsidi untuk lain-lain tanaman seperti lada hitam, koko dan sagu memandangkan bahawa kadar yang diberikan buat masa ini adalah mencukupi dan sesuai dengan keperluan semasa. Sebagai contoh, bagi subsidi harga pada kadarnya telah ditingkatkan sebanyak 50% iaitu daripada RM16.50 bagi setiap 100 kilogram sebelum tahun 1991 kepada RM24.81 setiap 100 kilogram selepas tahun tersebut. Strategi utama kerajaan adalah untuk meningkatkan pendapatan petani-petani melalui peningkatan produktiviti/pengeluaran dan daya saing mereka dan mengurangkan kos pengeluaran.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak berhasrat untuk memberi bantuan sepenuhnya bekalan racun serangga atau lain-lain racun perosak tanaman kepada petani-petani. Strategi utama kementerian adalah untuk menggalakkan petani-petani mengamalkan kawalan serangga musuh/penyakit secara pengurusan bersepadu dengan penggunaan racun serangga secara berhati-hati. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan mengurangkan penggunaan racun perosak berlebihan yang boleh memudaratkan kesihatan dan mencemar alam sekitar. Pengurusan Perosak Bersepadu akan memberi tumpuan

kepada aspek ekologi dan biologi di samping melibatkan pengawasan dan pengawalan yang akan dapat meningkatkan hasil pertanian secara berterusan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin buat soalan tambahan. Saya tahu jawapan tadi telah diberi oleh Kementerian untuk Setiausaha Parlimen menjawab, barangkali dari segi teorinya. Adakah Kementerian ini akan menghantar pegawai-pegawai untuk turun ke bawah di bendang-bendang untuk melihat keadaan yang sebenar supaya apabila masalah-masalah petani dilihat daripada keadaan—sungguhpun jawapan tadi mengatakan bahawa racun ini dari segi pengurusan akan hilang racun. Tetapi kalau pergi tengok, ada empat-lima jenis tumbuhan, macam saya cakapkan dalam masa perbincangan pada hari itu. Jadi, saya mintalah adakah pegawai-pegawai daripada Kementerian akan turun untuk menyiasat, dan selepas itu, mungkin boleh lagi di masa hadapan buat peruntukan?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan soalan pertama itu sememangnya ya. Tetapi kita tidak menggalakkan penggunaan racun berlebihan, sebab kita tahu bahawasanya kalau kita guna racun berlebihan, ianya akan merosakkan kesihatan dan juga akan memberi kesan yang tidak baik. Sekiranya kalaulah Yang Berhormat mengatakan dari segi perosak ataupun misalnya macam "rumputkeling" dan sebagainya. Kalaulah kita menggalakkan petani menyediakan bendang yang baik, kita cuba mengurangkan racun. Jawapannya sememangnya ya. Sekarang ini misalnya di MADA, di kawasan Yang Berhormat, kita ada pegawai yang selalu berdamping rapat dengan peladang dan memberi nasihat kepada peladang.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana

kerajaan tidak bercadang untuk memberi subsidi dan juga bantuan racun, maka saya ingin mendapat penjelasan, adakah Kementerian sedar bahawa harga racun dan baja dalam tempoh lima tahun ini telah naik hampir 50%? Oleh itu, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan harga-harga racun dan baja ini tidak naik begitu tinggi?

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi bahawasanya kita tidak menggalakkan penggunaan racun. Walaupun begitu, kita sedar perkara ini berlaku. Walaupun harganya naik, ada juga yang turun. Kita menggalakkan penggunaan agen untuk memusnahkan perosak tanaman. Misalnya perosak tanaman, tikus, kita boleh menggunakan racun, tetapi kita tidak menggalakkan. Kita ada agen yang boleh membunuh tikus ini. Kita gunakan burung hantu, owl untuk memusnahkan tikus.

#### PAMPASAN KERANA LALUAN PENGHANTARAN ELEKTRIK— KELEWATAN BAYARAN

11. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilakah pampasan akan dibayar kepada pemilik tanah di seluruh Sarawak yang mana tiang elektrik telah siap dibina di tanah mereka kerana sehingga sekarang ianya belum lagi dijelaskan; dan
- (b) berapa buah kampung dan rumah panjang di seluruh Sarawak yang telah dan akan dibekalkan dengan elektrik dan telefon pada tahun berakhir 1994/1995; dan
- (c) adakah kerajaan bercadang untuk membekalkan telefon menggunakan solar bagi penduduk di pedalaman di Sarawak.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Pembayaran pampasan telah dibuat kepada kebanyakan pemilik tanah yang terlibat pada laluan talian penghantaran dari Kuching ke Sibuan untuk tujuan pembinaan 1,021 power bases. Hanya 10% dari mereka belum dibayar pampasan oleh kerana pemilik tidak dapat dikesan dan juga kerana bantahan terhadap jumlah pampasan.

Untuk talian penghantaran Oya ke Bintulu, pampasan belum dijelaskan untuk pembinaan 516 power bases. Pihak SESCO sedang menghubungi Jabatan Tanah dan Ukur untuk menilai pampasan tanah yang terlibat pada projek tersebut. Dalam pembinaan projek Skim Bekalan Elektrik Luar Bandar, khususnya di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, tiada pampasan dibayar kepada penduduk sama ada pampasan tanah ataupun tanaman. Sekiranya pembinaan projek ini melibatkan pemotongan tanaman atau melalui tanah persendirian, persetujuan dari tuan punya akan diperolehi terlebih dahulu sebelum projek dijalankan.

Kerjasama dari para penduduk adalah diharapkan dalam hal ini, memandangkan skim bekalan elektrik luar bandar adalah untuk kebaikan mereka dan kos projek dibayar oleh pihak kerajaan yang mana tidak termasuk kos pampasan.

- (b) Sehingga tahun 1994 jumlah kampung dan rumah panjang di seluruh Sarawak yang menikmati bekalan elektrik luar bandar ialah lebih kurang 1,057 buah. Bilangan rumah panjang dan kampung yang telah dan akan dibekalkan pada

tahun ini ialah 162. Di antara tahun 1990 hingga pertengahan 1995, sebanyak 832 unit telefon awam telah dipasang di seluruh negeri Sarawak di bawah rancangan telefon awam luar bandar dan sebahagian besarnya dipasang di kampung-kampung dan rumah panjang berkenaan. Bagi sebanyak 181 unit telefon awam akan dipasang dalam tahun ini juga.

- (c) Kerajaan akan menyediakan telefon awam yang menggunakan kuasa solar di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai rangkaian komunikasi biasa dan kawasan yang tidak mempunyai bekalan elektrik.

Sekian, terima kasih.

#### **KENDERAAN IMPORT— PERSAINGAN DALAM NEGERI**

12. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bilangan kenderaan yang diimport dari luar negeri sepanjang tahun 1993, 1994 dan 1995 dan dari negara mana. Adakah pengimport ini memberi persaingan kepada kenderaan yang dipasang dalam negeri. Sejauh manakah rancangan kerajaan untuk membenarkan pengimportan kenderaan berkuasa kuda rendah.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Cheras telah pun dijawab pada 6hb. November 1995, ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari kawasan Kluang. Oleh yang demikian tidak ada apa-apa maklumat tambahan yang hendak dikemukakan.

**TELEFON BIMBIT—JUMLAH  
SYARIKAT BEROPERASI**

**13. Tuan Chang Kon You** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapa banyakkah syarikat telefon bimbit yang beroperasi di negara ini;
- (b) adakah menara pemancar (transmission tower) bagi telefon bimbit memudaratkan kesihatan manusia dari segi gelombang elektro-magnetik dan radioaktif yang dipancarkan; dan
- (c) adakah kementerian menjalankan kerja kawal selia terhadap pembinaan menara pemancar ini kerana terdapat banyak menara pemancar ini dibina berhampiran dengan rumah kediaman.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini, tujuh syarikat telah diberi lesen dan semuanya sedang menjalankan perkhidmatan telefon bimbit di negara ini.
- (b) Setakat ini, tidak ada bukti bahawa gelombang elektromagnetik dan radioaktif yang dipancarkan melalui menara pemancar telefon bimbit boleh memudaratkan kesihatan manusia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa pancarannya adalah amat rendah dan tidak melebihi had yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa antarabangsa mengenai gangguan radio, salah satu jawatankuasa di bawah International Electrotechnic Commission (IEC).
- (c) Semua pengusaha telekomunikasi perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada pihak

berkuasa tempatan, Jabatan Penerbangan Awam sekiranya menara yang ingin didirikan berdekatan dengan kawasan lapangan terbang dan akhirnya memohon lesen stesen daripada Jabatan Telekom Malaysia untuk beroperasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti disebutkan tadi, kuasa pancaran bagi alat pemancar selular adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan alat pemancar televisyen ataupun satelit. Liputan pancaran bagi alat pemancar selular seperti sistem PCN dan GSM ini adalah di antara 1-5 km jejari sahaja.

Liputan pancaran ini dinamakan sel. Ini bermakna, bagi komunikasi jarak jauh, lebih banyak sel ini diperlukan. Alat-alat pemancar ini biasanya diletakkan di atas bangunan-bangunan bagi kawasan-kawasan yang mempunyai bangunan yang tinggi dan bagi kawasan-kawasan perumahan di mana tiada bangunan-bangunan tinggi, maka wajarlah menara pemancar didirikan. Penghuni-penghuni rumah kediaman yang berdekatan dengan menara tersebut tidak perlu bimbang kerana ianya tidak memudaratkan kesihatan kerana kuasa pancarannya amat rendah dan dikawal. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari tujuh buah syarikat telefon bimbit, dalam pemerhatian kita hanya dua atau selebih-lebihnya tiga sahaja yang mempunyai prestasi yang baik, selain dari itu hampir-hampir tutup kedai. Jadi, adakah pihak kementerian berhasrat agar dapat memberikan nasihat kepada syarikat-syarikat ini untuk membuat merger, dengan izin, agar kos inflasi yang tinggi, kos pelaburan yang tinggi dapat diperkecilkan dan base, dengan izin, ataupun customer base dapat diperluaskan apabila merger ini dapat dilakukan. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, dua tiga buah syarikat yang mengendalikan perkhidmatan telefon selular yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Bagan Datok yang dikatakan prestasinya baik adalah kerana dua tiga buah syarikat ini telah pun beroperasi lama. Yang lain, lima buah yang baru beroperasi tahun ini kalau dibandingkan dengan lama memanglah tidak begitu baik kerana ia baru beroperasi yang tidak sampai, ada yang tidak sampai tiga bulan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian memang sedar bahawa untuk memulakan satu sistem perkhidmatan telefon selular memang kena melaburkan satu investment yang cukup besar, maka pihak kementerian akan memberikan nasihat kepada pengusaha-pengusaha supaya mengadakan ataupun mewujudkan kerjasama yang erat di antara satu sama lain supaya tidak ataupun untuk mengelakkan daripada duplikasi dalam investment untuk mengurangkan kos yang terlibat, tetapi setakat ini, pihak kementerian memang tidak ada rancangan untuk menasihati supaya wujudkan merger di antara satu sama lain, saya maksudkan pengusaha.

**Tuan Chan Kong You:** Adakah benar bahawa penggunaan telefon bimbit di sesetengah negara seperti Amerika Syarikat telah berkurangan kerana telefon bimbit boleh memancar gelombang electromagnetic atau radioaktif yang boleh memudaratkan kesihatan manusia?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, saya tiada maklumat tentang penggunaan telefon bimbit di negara seperti di Amerika Syarikat sama ada ia kurang atau tidak tetapi sehingga sekarang ini sama ada radioaktif ataupun electromagnetic akan memudaratkan kesihatan manusia, adalah merupakan satu isu yang masih dibincangkan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan mengambil satu sikap yang amat serius bagi menentukan bahawa had yang

dibenarkan ini adalah jauh di bawah had yang ditetapkan oleh pihak IDU.

#### TAMBANG PENERBANGAN DARI SEMENANJUNG KE SABAH DAN SARAWAK

14. Tuan Hoo Seong Chang minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kerajaan sedar bahawa pembayaran tiket penerbangan dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak adalah tinggi. Maka adakah kerajaan bercadang menasihati Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) supaya menimbangkan bagi menurunkan kadar pembayaran penerbangan tersebut?

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa tambang penerbangan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak adalah tinggi. Sebenarnya tambang penerbangan dalam negeri di negara ini adalah antara yang terendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini. MAS telah mengenakan kadar RM0.55 bagi satu batu, jika dibandingkan dengan Philipines mengenakan RM0.58, Indonesia RM0.76 manakala India mengenakan RM0.57. Ini menunjukkan bahawa kadar kita memang rendah di rantau ini.

Memandangkan demikian, tidak ada rancangan untuk menurunkan tambang di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada kerajaan bercadang membenarkan syarikat-syarikat yang lain seperti SEAGA dan Pelangi untuk mengadakan penerbangan domestik supaya ia ada saingan yang sihat dengan MAS demi kebaikan penumpang tempatan dan adakah

syarikat Transmail yang setakat ini saya difahamkan memberi perkhidmatan courier juga dibenarkan untuk mengambil penumpang? Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penerbangan di Semenanjung, kerajaan telah membenarkan seperti Pelangi untuk terbang daripada Singapura, Melaka, Ipoh, Langkawi serta juga ke Phuket, tetapi untuk perjalanan dalam negeri Sabah dan Sarawak, kerajaan belum ada cadangan untuk membenarkan syarikat lain untuk membuat penerbangan di kedua-dua negeri ini pada masa kini.

Berkaitan dengan penerbangan transmail, ia tidak dibenarkan untuk membawa penumpang secara berjadual, tetapi untuk secara chartered dibenarkan.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu ketika dahulu, pihak MAS ada membuat kenyataan, bahawa MAS akan memberhentikan perkhidmatan penerbangan dalam negeri. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan, adakah hasrat ini diteruskan ataupun ditarik semula?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, itu kenyataan sahaja, tidak ada cadangan untuk memberhentikan perkhidmatan MAS dalam negeri di kawasan-kawasan antara negeri ataupun antara daerah ke daerah seperti di Sabah dan Sarawak.

#### RUMAH PANGSA DBKL—KOS MEMBAIKI

15. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan kerajaan terhadap aduan penghuni rumah pangsa DBKL yang mendakwa kos memperbaiki kediaman mereka oleh pihak DBKL jauh lebih tinggi dari kos yang dikenakan oleh tukang persendirian.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad):** Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan rumah-rumah pangsa DBKL dibuat mengikut tatacara dan peraturan kewangan. Kos bagi kerja-kerja yang dijalankan adalah mengikut kadar harga yang ditetapkan oleh Jabatan Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak dan juga berpandukan kadar harga atau schedule of rates, dengan izin, yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya.

Tatacara yang diikuti sekarang adalah didapati baik dan akan diteruskan memandangkan tidak semua aduan yang dibuat ada meritnya, dengan izin. Walaupun begitu, kalau ada kes-kes yang spesifik, yang telah berbangkit, diharap dapat diberitahu supaya dapat kita selidiki dengan teliti.

#### CUKAI IMPORT KERETA— MENURUNKAN KADAR

16. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa:

- (a) adakah Kementerian Kewangan bercadang menurunkan kadar cukai import kereta-kereta bermotor yang diimport dari luar negara; dan
- (b) buat masa ini berapakah kadar cukai import yang dikenakan ke atas kereta-kereta tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kereta bermotor meliputi berbagai jenis kenderaan yang dibuat bagi maksud pengangkutan orang atau barang-barang. Dalam Belanjawan 1996 baru-baru ini, kadar duti import bagi bas, trak dan traktor yang diimport dalam bentuk

“completely built up” (CBU), dengan izin, telah dicadangkan untuk diturunkan daripada 35% kepada 30%. Manakala bagi kereta bernombor lain, yang diimport dari luar negeri, Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk menurunkan kadar duti importnya kecuali setakat komitmen kita dalam Perjanjian ASEAN-CEPT. Mengikut perjanjian itu, kereta bermotor masih lagi dalam senarai pengecualian sementara. Dan hanya akan dimasukkan dalam senarai pengurangan Skim ASEAN-CEPT pada 1hb. Januari, 2000 di mana duti importnya akan mencapai 0% hingga 5% pada tahun 2003.

- (b) Kadar duti import semasa bagi kereta-kereta bermotor yang diimport adalah seperti berikut:
- (i) Duti import ke atas completely built up (CBU) ialah di antara 5% iaitu bagi ambulan kepada 20% iaitu bagi kenderaan penumpang yang melebihi 2500 c.c.
  - (ii) Duti import ke atas kenderaan yang dibuat berdasarkan “completely knock down” (CKD) ialah di antara 5% iaitu bagi van hingga 42% bagi kenderaan-kenderaan penumpang.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berapakah pula kadar cukai import bagi kereta-kereta yang terpakai ataupun recond car?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf, berkaitan dengan semua yang diimport kecuali yang recond itu tidak terdapat kepada saya pada hari ini, saya minta izin supaya dapat saya hantar dengan secara bertulis.

### RUMAH KOS RENDAH— BILANGAN UNIT MENGIKUT NEGERI

17. Tuan Yeong Chee Wah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengenai pembinaan rumah kos rendah.

- (a) sebutkan bilangan unit yang telah dan akan dibina di setiap negeri masing-masing;
- (b) sebutkan bilangan unit yang dirancangan dan nisbah yang kurang dibina bagi setiap negeri di Malaysia;
- (c) sebutkan berapa unit yang perlu dibina dalam Rancangan Malaysia ke-7; dan
- (d) apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk memenuhi kehendak kerajaan khususnya untuk rakyat yang termiskin.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sasaran perumahan kos rendah ialah sebanyak 343,800 unit sehingga 30hb. November, 1994 dan daripada itu sebanyak 221,436 unit telah disiapkan. Sebanyak 36,574 unit lagi dijangka siap pada akhir tahun ini. Perpecahan mengikut negeri adalah agak banyak, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak baca mengambil masa, saya akan bekalkan kepada Ahli Yang Berhormat dengan bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:**

- (b) Bilangan unit yang dirancang dan peratusan yang kurang dibina lagi setiap negeri adalah juga di dalam

satu table, Tuan Yang di-Pertua, saya akan membekalkan kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

- (c) Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, adalah dianggarkan sebanyak 121,382 unit rumah kos rendah perlu dibina. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut akan dipertingkatkan jika sekiranya struktur pendapatan penduduk berubah dan memerlukan penyesuaian dari segi kategori harga rumah yang disediakan.
- (d) Beberapa langkah jangka pendek yang telah diambil untuk membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah kos rendah, di antaranya termasuklah langkah memberi pinjaman dengan kadar faedah yang rendah. Beberapa kerajaan negeri telah juga memberi kemudahan premium yang nominal untuk pembinaan rumah kos rendah. Kerajaan juga telah mewujudkan dana RM500 juta untuk membantu pemaju-pemaju perumahan mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah.

Kerajaan juga memberi subsidi sewa pada kadar yang rendah. Langkah-langkah jangka panjang pula, termasuklah projek-projek perumahan berkepadatan tinggi seperti rumah pangsa di kawasan-kawasan bandar, terutamanya di bandar-bandar besar yang mempunyai masalah perumahan. Kerajaan akan terus mempertingkatkan kemudahan-kemudahan di kawasan setinggan, sementara projek-projek perumahan yang lebih sempurna akan disediakan. Kerajaan Persekutuan dijangka di masa akan datang melibatkan diri dalam pembinaan rumah kos rendah juga.

### BARANG TIRUAN DIJUAL DI PASAR MALAM—TINDAKAN

18. Tuan Haji Mustafa bin Muda minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah kementerian sedar banyak barang-barang tiruan yang dijual terutama di pasar-pasar malam terdapat barang tersebut bukannya barang yang bermutu terutama barang-barang pakaian yang dilabelkan dengan jenama-jenama yang terkenal.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memang sedar terdapat barang-barang tiruan dijual di pasar-pasar malam dan mutu barangan itu adalah rendah. Antara barang-barang tiruan yang dijual adalah pakaian yang menggunakan perihal dagangan yang palsu berhubung dengan jenama-jenama yang terkenal.

Dalam hubungan ini kementerian sentiasa bekerjasama dengan pengeluar-pengeluar dan pemilik-pemilik cap dagangan dalam usaha untuk membanteraskan kegiatan membuat dan menjual barang-barang yang menggunakan perihal dagangan palsu dengan menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan di pasar-pasar malam dan lain-lain premis perniagaan.

Di samping itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga mengadakan program-program pendidikan dan khidmat nasihat kepada peniaga-peniaga supaya mereka lebih bertanggungjawab dan mempunyai etika perniagaan yang baik serta tidak terlibat dalam pembuatan dan pengedaran barang-barang tiruan.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.



Di pasar-pasar malam juga terdapat jualan kaset lagu-lagu tiruan, ertinya cetak rompak. Kalau jawapan Timbalan Menteri hendak bekerjasama dengan pengeluar-pengeluar—yang mencetak rompak adalah pengeluar-pengeluar itu sendiri, jadi, apakah tindakan kementerian bagi mengatasi masalah ini?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun pengeluar kaset-kaset asal mungkin dari luar negara, tetapi ada badan-badan yang mempunyai kuasa terhadap barang-barang ini dan mereka mengutip royalti terhadap kaset yang dikeluarkan, maka merekalah yang perlu menjaga hal ini dan apabila pihak yang bertanggungjawab melaporkan kepada kita dan minta kerjasama, kita akan mengambil tindakan. Selain daripada itu, pihak-pihak ini juga, kalau mereka telah daftar dengan mempunyai cap dagangan, mereka juga berhak untuk pergi ke mahkamah dan mengambil tindakan melalui mahkamah terhadap mereka yang mengeluarkan atau menjual barang-barang tiruan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ingin tahu berapakah jumlah kes-kes tangkapan yang dibuat oleh Kementerian Yang Berhormat, terutamanya oleh kumpulan penguatkuasa bagi penjual-penjual yang berniaga barang-barang tiruan di Petaling Street, dengan izin. Di situ, tiap-tiap malam banyak peniaga-peniaga yang berniaga—kita boleh tengok jenis jam, yang orang kata mahal-mahal, tetapi sebenarnya adalah barang-barang tiruan. Tiap-tiap malam boleh buat, kalau hendak dibuat tangkapan. Jadi, saya hendak tahu, dalam tahun ini umpamanya, berapa kalikah tangkapan telah dibuat kepada syarikat berkenaan?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyebutkan tentang bilangan kes, saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa kebanyakan

pengguna yang membeli barang-barang tiruan itu di Chow Kit, bukan membeli barang-barang itu tanpa mengetahui barang-barang itu adalah barang-barang tiruan, tetapi mereka membeli barang-barang itu dengan penuh pengetahuan bahawa barang-barang itu adalah barang tiruan. Jadi, kita berharap pengguna tidak memberi galakan kepada pembeli-pembeli di situ.

Walaupun bagaimanapun, kementerian tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan dan jumlah kes yang telah diambil tindakan bagi tempoh 1hb. Januari, 1995 hingga 30hb. Januari, 1995 adalah sebanyak 1,142 kes. Kes-kes ini bukan sahaja di Petaling Street tetapi penjualan barang-barang tiruan itu berlaku di semua negeri di negara kita, maka kes-kes ini adalah di seluruh negara.

Dari tempoh Januari, 1995 hingga 30hb. November, 1995 barang-barang tiruan yang dirampas pula, nilainya adalah sebanyak RM2.1 juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Yunof Edward Marinking.

*(Soalan No. 19—Y.B. Tuan Yunof Edward Marinking tidak hadir)*

#### PINJAMAN KERAJAAN NEGERI—JUMLAH

20. **Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman yang belum dijelaskan oleh Kerajaan negeri-negeri kepada Kerajaan Persekutuan;
- (b) negeri-negeri manakah yang baki pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan yang paling kurang dan negeri-negeri manakah yang baki pinjaman paling tinggi; dan

- (c) sehingga September, 1995 ini, berapakah jumlah kutipan Kerajaan Negeri Kelantan kepada Kerajaan Persekutuan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah pinjaman yang belum dijelaskan oleh kerajaan-kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan sehingga bulan Jun, 1995 yang dianggap telah tertunggak adalah sebanyak RM1,460.85 juta. Kedudukan pinjaman yang belum dijelaskan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Pinjaman Yang Belum Dijelaskan (RM)
Johor	134 juta
Kedah	182 juta
Kelantan	485 juta
Melaka	62 juta
Negeri Sembilan	197 juta
Pahang	191 juta
Pulau Pinang	1.69 juta
Perak	68 juta
Perlis	10.6 juta
Selangor	5 juta
Terengganu	71 juta
Sabah	0
Sarawak	51 juta
<b>JUMLAH</b>	<b>1,460.85 juta</b>

- (b) Pada bulan Jun, 1995 negeri Sabah mempunyai baki pinjaman paling kurang iaitu sebanyak RM112.21 juta diikuti dengan negeri Perlis sebanyak RM114.4 juta dan negeri Pulau Pinang sebanyak RM192.49 juta. Sementara itu negeri Selangor mempunyai baki pinjaman (bukan tertunggak) yang paling tinggi iaitu sebanyak RM1,015.46 juta, negeri

Kedah sebanyak RM944.62 juta dan negeri Johor sebanyak RM839.69 juta.

- (c) Sehingga bulan September, 1995 Kerajaan Negeri Kelantan tidak membuat apa-apa bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan. Prestasi bayaran balik yang tidak memuaskan ini menyebabkan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri Kelantan yang telah tertunggak (arreas) sebanyak RM493.1 juta pada bulan September, 1995.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan Pusat mempunyai tanggungjawab untuk membantu negeri-negeri yang daif, misalnya Kelantan. Apakah kerajaan tidak ada satu cadangan untuk menghapuskan segala hutang sebab hutang yang ada di Kelantan itu yang belum dilunasi, apa yang saya difahamkan, adalah merupakan hutang yang dibuat semasa Barisan Nasional memerintah kerajaan Negeri Kelantan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah hutang yang dibuat oleh kerajaan negeri semenjak tahun 1990?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun hutang itu dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu, telah banyak kali saya katakan dalam Parlimen ini—mungkin Yang Berhormat tidak menghadiri perbahasan, walaupun hutang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu, hutang-hutang ini adalah untuk mewujudkan projek-projek yang boleh membalikkan wang. Jadi, sepatutnya projek-projek yang boleh membalikkan wang itu, bayarlah balik, macam Hotel Perdana Resort dan lain-lain projek lagi yang boleh mendapat keuntungan, tetapi kenapa tidak bayar balik? Jadi, hutang-hutang ini adalah untuk projek ekonomi dan bukan projek

sosial. Kalau kerajaan negeri lain boleh bayar balik, mengapa Kelantan tidak boleh membayar balik?

Secara keseluruhannya, Kelantan semenjak tahun 1990 sehingga 1994, saya ada figure di sini, jumlah hutangnya adalah RM814.24 juta. Soalnya di sini, boleh dikatakan semua hutang yang diberi kepada kerajaan negeri adalah dalam bidang ekonomi dan semua yang diberi dalam bidang sosial adalah merupakan geran (pemberian hangus).

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyentuh tentang pembayaran hutang, adakah kerajaan melalui Kementerian Kewangan mempunyai insentif-insentif tertentu bagi negeri-negeri yang rajin bayar hutang dan menghukum bagi negeri-negeri yang malas membayar hutang?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak mempunyai insentif-insentif tertentu untuk kerajaan-kerajaan yang rajin tetapi kita ada di dalam peruntukan Perlembagaan Negara, kita boleh memotong sebahagian daripada pemberian wajib kepada kerajaan-kerajaan negeri yang tidak membayar hutang. Ini telah kita lakukan kepada Kerajaan Kelantan, satu ataupun dua kali tahun sudah.

#### PEMBANGUNAN WILAYAH SEGI TIGA UTARA—KEMAJUAN

21. **Tuan Kamarudin bin Ahmad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah kemajuan yang diperolehi sejak ditubuhkan Pembangunan Wilayah Segi Tiga Utara (Indonesia, Malaysia, Thailand Growth Triangle) dari segi pembangunan perindustrian;
- (b) tahun 1995 ini, sejauh manakah usaha yang dilaksanakan untuk

membawa masuk pelabur-pelabur ke negeri-negeri utara Malaysia termasuk Perlis; dan

- (c) berapakah jumlah unit saham-saham terbitan yang dikelolakan oleh kementerian yang dihulurkan kepada negeri-negeri bagi membantu mencetuskan pembangunan perindustrian di negeri-negeri.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak diwujudkan Pembangunan Wilayah Segi Tiga Utara pada Julai tahun 1993, sebanyak 39 memorandum persefahaman yang bernilai kira-kira RM8.1 ribu juta telah ditandatangani oleh syarikat-syarikat swasta di dalam wilayah ini.

Projek-projek tersebut meliputi pembangunan infrastruktur, industri perdagangan, pembinaan, hotel dan perkhidmatan, pembangunan sumber manusia dan pertanian.

Dari segi pelaburan dalam sektor perkilangan, sejumlah 432 projek telah pun diluluskan untuk di Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis dalam tempoh Julai tahun 1993 hingga bulan Ogos tahun ini dan ini merupakan 25.1% dari keseluruhan 1,722 projek yang telah diluluskan di seluruh negara.

Projek-projek yang telah diluluskan oleh MITI bagi kawasan IMGT ini melibatkan pelaburan bernilai RM11,858.1 juta ataupun 26.1% daripada modal pelaburan di seluruh negara.

- (b) Dalam tahun 1995, kerajaan melalui MITI, MIDA dan MATRADE telah pun mengadakan sejumlah 10 misi perdagangan dan pelaburan ke luar negeri.

Di setiap misi yang diadakan ini, pelaburan digalakkan melaburkan di negeri-negeri selain daripada Lembah Kelang, Johor dan Pulau Pinang dengan tujuan memperseimbangkan taburan industri-industri.

Dalam hal ini, kerajaan sememangnya memberi keutamaan untuk menarik ramai pelabur asing ke negeri-negeri di utara Malaysia termasuk Perlis. Selain dari itu, kerajaan juga telah turut mengadakan seminar-seminar pelaburan tempatan di Pulau Pinang dan di Sungai Petani yang mana bertujuan untuk menggalakkan pelabur-pelabur tempatan menerokai bidang pembuatan di negeri-negeri utara Malaysia.

- (c) Pembahagian saham-saham khas bumiputera bukanlah bagi tujuan untuk membiayai pembangunan di peringkat negeri. Antara tujuan pengagihan saham-saham tersebut adalah untuk mempertingkatkan pencapaian matlamat hak milik bumiputera dalam sektor korporat serta menggalakkan perkembangan masyarakat usahawan bumiputera dalam konteks pelaksanaan dasar pembangunan negara.

Saham-saham khas ini diperuntukkan kepada pihak-pihak yang layak mengikut garis panduan dan keutamaan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Agensi-agensi di peringkat negeri seperti yayasan dan amanah saham negeri adalah di antara institusi yang layak diberi pertimbangan. Jumlah saham-saham yang telah diagihkan kepada institusi amanah dan yayasan di peringkat negeri sejak tahun 1990 hingga Julai tahun 1995 ialah sebanyak RM535.5 juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 4, 8, 19 dan 22 Hingga 25 dijilid dalam buku berasingan)*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dan Anggaran Pembangunan 1996 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *(Hari Keempat Belas)*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*(Tuan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)*

*Maksud B.48 (Jadual) —*

*Maksud P.48 (Anggaran Pembangunan, 1996) —*

**Tuan Pengerusi:** Kementerian Luar Bandar sila sambung jawapannya.

3.37 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Pengerusi, untuk menyambung jawapan yang saya buat pada hari Khamis yang lepas, Yang Berhormat dari Parit yang menyentuh

mengenai keadaan kelas tabika, ingin saya menjelaskan di sini bahawa sehubungan dengan perkara ini, sejak tahun 1994, kerajaan telah memperuntukkan wang untuk membaik pulih tabika supaya ia lebih ceria, selesa dan sesuai untuk belajar.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 1994, kita memperuntukkan RM4 juta, pada tahun 1995—RM4.6 juta dan kita berharap pada tahun 1996, RM4.1 juta. Pada masa yang sama, pihak Kemas juga sedang mengindahkan kawasan sekitar tabika dengan program landskap seluruh negara.

Tuan Pengerusi, mengenai cadangan untuk menggabungkan tabika oleh tiga kementerian oleh Yang Berhormat dari Parit, pada dasarnya tidak ada usaha menggabungkan aktiviti tabika oleh tiga kementerian—Kementerian Pendidikan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Pembangunan Luar Bandar. Apa yang sebenarnya berlaku ialah cadangan penyeragaman aktiviti tabika bagi tiga kementerian ini di dalam melaksanakan tabika. Ketiga-tiga kementerian ini telah bersetuju dan telah melaksanakan satu Kurikulum Standard Pelaksanaan Tabika.

Mengenai gaji guru Kemas yang statik, memang Kemas mengakui bahawa gaji guru Kemas dalam keadaan statik. Walau bagaimanapun, gaji Kemas telah pun dinaikkan dari RM375.00 kepada RM464.00 pada tahun 1992.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat. Ya, ada yang bangun.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Boleh saya habiskan?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Selain daripada kenaikan ini, guru Kemas juga menerima bonus tahunan seperti kakitangan kerajaan yang lain.

Berdasarkan kepada perkhidmatan mereka dan keperluan untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru Kemas ini, kerajaan telah mengkaji skim gaji dan juga skim-skim untuk guru-guru Kemas ini.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma minta penjelasan daripada Yang Berhormat, kalau tidak silap saya, konsep tentang tabika ini, iaitu gabungan di antara masyarakat dengan Kemas untuk mewujudkan tabika ialah satu konsep yang telah ditubuhkan pada tahun 1970. Jadi, saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, sepatutnya konsep ini telah kita tukarkan 10 tahun yang lepas, selaras dengan peningkatan ekonomi negara kita dan juga selaras dengan teknologi maklumat yang telah melanda negara kita. Kenapakah baru akhir-akhir ini sahaja diperuntukkan perbelanjaan untuk memulihkan ataupun memperbaiki keadaan Tabika-tabika Kemas ini?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat, tetapi mengapa tidak ada peruntukan yang dibuat pada masa-masa yang lampau, saya tidak dapat jelaskan kerana saya belum duduk di kementerian pada masa itu.

Walaupun bagaimanapun, kementerian memang berusaha sedaya-upaya untuk mempertingkatkan keadaan di kelas-kelas tadika kita ini supaya ia dapat mencapai matlamat kita untuk mendidik anak kita supaya mereka dapat memainkan peranan selari dengan kemajuan semasa.

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tanjong Karang bangun ya.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin meminta sedikit penjelasan. Saya ucapkan terima kasih kepada kementerian yang telah memberikan peruntukan untuk membaik pulih bangunan-bangunan tadika ini. Saya ingin mendapat penjelasan mengapakah kerajaan atau pihak kementerian tidak ada menyediakan peruntukan untuk membina bangunan-bangunan tadika yang baru memandangkan pendidikan prasekolah sekarang diperlukan oleh setiap kanak-kanak, tambahan pula di dalam Rang Undang-undang Pendidikan 1995 ini, pendidikan prasekolah ini telah dimasukkan di dalam akta yang akan kita bincangkan. Jadi, saya ingin minta penjelasan.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Pengerusi, peruntukan untuk membina kelas tabika ini sedang ditimbang dan kita harap perkara ini dapat kita adakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Yang Berhormat dari Parit juga menyentuh mengenai kekurangan pembantu dan guru tabika. Memang masalah ini wujud dan sekarang peranan pembantu guru tabika telah diambil alih oleh ibu bapa dan bagi kerajaan, kita memang berusaha untuk menambahkan ini dan di antara cadangan kerajaan adalah untuk mewajibkan sebuah kelas tabika yang dikendalikan oleh dua orang kakitangan. Ini sedang ditimbang.

Yang Berhormat dari Parit juga, rupanya pakar dalam Tabika ini, juga menyentuh mengenai masa latihan yang kata beliau dikurangkan kepada 5 bulan. Tetapi sebenarnya, walaupun masa yang diambil untuk melatih ialah selama 5 bulan, tetapi semasa latihan ini, Kemas menggunakan sukatan latihan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan dan ada juga

jurulatih dari Kementerian Pendidikan untuk menentukan bahawa mereka layak untuk menjadi seorang guru Tadika Kemas.

Mengenai cadangan untuk meningkatkan penglibatan ibu bapa dan masyarakat dalam aktiviti kokurikulum tabika, ini memang sentiasa digalakkan oleh kerajaan dan kita berharap dari semasa ke semasa hubungan di antara ibu bapa dengan tabika semakin erat dan itulah konsep kita dalam konsep kerjasama di antara kerajaan dengan masyarakat.

Yang Berhormat dari Bintulu ada bertanyakan mengenai apakah aktiviti-aktiviti Kemas selain dari tabika. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (i) di Sarawak kita ada pendidikan kesejahteraan keluarga di mana 145 kumpulan ditubuhkan;
- (ii) pendidikan kemahiran yang mengandungi 64 kumpulan;
- (iii) pendidikan literasi pangsan yang mengandungi 144 kumpulan; dan
- (iv) perpustakaan masyarakat yang mengandungi 7 kumpulan.

Inilah beberapa aktiviti Tabika KEMAS di negeri Sarawak.

Cadangan Yang Berhormat dari Sri Aman yang mencadangkan supaya kelas-kelas yang mempunyai kanak-kanak yang tidak ramai dan sedikit supaya digabungkan. Ini kita kena praktikal sedikit kerana kalau kelas-kelas di antara kedua kelas itu jaraknya jauh, mengalami masalah perhubungan dan sebagainya, maka tidak praktikal untuk kita menggabungkannya. Tetapi di mana yang dapat, kita gabungkan memang kita hendak gabungkan supaya ia akan lebih berkesan.

Yang Berhormat dari Sri Aman juga meminta supaya Kemas memperlempangkan pejabat Kemas dengan secukupnya. Kita memang berusaha ke arah itu.

Tuan Pengerusi, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai infrastruktur. Yang Berhormat dari Bukit Mas dan Sri Aman serta Bintulu menyentuh mengenai bekalan elektrik luar bandar. Ingin saya menerangkan di sini bahawa Sarawak dan Sabah mendapat peruntukan yang besar iaitu 90% keseluruhan peruntukan negara iaitu RM100 juta di mana Sarawak dan Sabah masing-masing mendapat RM45 juta iaitu berdasarkan kepada kemampuan agensi pelaksanaan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bermula pada tahun 1996, kaedah pelaksanaan projek akan ditentukan berdasarkan kepada sistem-sistem bekalan, sama ada melalui talian grid, solar, mini hidro, hybrid dan sebagainya. Adalah dijangka dengan sistem-sistem tersebut, liputan BALB Sarawak akan dipercepatkan, khususnya kepada kawasan-kawasan rumah panjang dan kampung-kampung di pedalaman.

Yang Berhormat dari Sri Aman dan Yang Berhormat dari Bintulu menyentuh mengenai bekalan air luar bandar. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, dasar pembiayaan projek Bekalan Air Luar Bandar adalah melalui pinjaman tanpa faedah kepada kerajaan-kerajaan negeri. Peruntukan secara geran boleh dipertimbangkan setakat 20% sahaja. Peruntukan yang disediakan adalah berdasarkan kesetiaan Kerajaan Negeri Sarawak yang memohon pinjaman.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan Negeri Sarawak hanya menggunakan pinjaman berjumlah RM11.4 juta daripada RM17.6 juta yang diluluskan.

Mengenai projek program jalan kampung yang dijalankan oleh Yang Berhormat dari Teluk Kemang, kementerian mengambil maklum akan keperluan jalan-jalan kampung yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sukacita dimaklumkan,

dalam pelaksanaan jalan-jalan kampung, pemilihan projek adalah berdasarkan kepada senarai-senarai yang dikemukakan oleh Pejabat Kemajuan Negeri yang diterima dari Pejabat Daerah. Oleh hal yang demikian, permohonan Yang Berhormat perlulah dibincangkan dengan Pegawai Daerah menerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah.

Mengenai pelaksanaan jalan-jalan estet, adalah di bawah tanggungjawab pihak pemilik-pemilik estet berkenaan. Walau bagaimanapun, bagi jalan-jalan yang menghubungkan ke rumah-rumah dengan jalan utama ataupun pusat-pusat perkhidmatan, pihak pentadbiran daerah boleh memperakukan kepada Pejabat Kemajuan Negeri untuk melaksanakan dengan syarat tidak ada kos pengambilan tanah dikenakan kepada pihak kerajaan.

Yang Berhormat dari Sri Aman juga menyentuh mengenai jalan-jalan luar bandar. Kementerian mengambil maklum akan keperluan jalan-jalan luar bandar yang diperlukan oleh Yang Berhormat dan seluruh negeri Sarawak. Sukacita dimaklumkan bahawa jalan-jalan luar bandar adalah jalan-jalan negeri. Dari itu, agensi pelaksanaannya adalah Jabatan Kerja Raya. Walau bagaimanapun, bagi tujuan untuk mengeratkan perhubungan kawasan luar bandar, kementerian juga melaksanakan program jalan luar bandar dengan agensi pelaksanaannya adalah JKR negeri. Bagi negeri Sarawak, kementerian melaksanakan program jalan luar bandar menerusi Jabatan Pembangunan Negeri Sarawak dan agensi pelaksanaannya adalah JKR.

Yang Berhormat dari Tambun ada menyentuh mengenai pelaksanaan pengawasan projek. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam melaksanakan sesuatu projek yang diluluskan, kementerian mempunyai sistem pengawasan pelaksanaan yang rapi. Agensi berkenaan, sama ada TNB, SESCO, LLS, JKR, Pejabat Kemajuan Negeri atau Pegawai Daerah

dikehendaki melaporkan kepada kementerian tiap-tiap bulan status tiap-tiap projek yang dilaksanakan. Bagi projek yang menghadapi masalah pelaksanaan, kementerian akan membuat lawatan dan pemeriksaan lengkap bagi menyelesaikan masalah yang timbul.

Adalah di luar kemampuan pegawai KPLB untuk membuat lawatan ke semua projek yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab semua pegawai dan agensi yang berkaitan untuk membuat pemeriksaan projek dan saya berharap kalau Yang Berhormat mendapati ada kepincangan dalam pelaksanaan sesuatu projek, sila beri laporan kepada kementerian.

Yang Berhormat dari Jerantut ada menyentuh mengenai perkara kelewatan pengambilan peserta-peserta projek Felcra di daerah Jerantut. Ingin saya menjelaskan kepada Yang Berhormat, bahawa dalam daerah Jerantut terdapat sebanyak 36 projek Felcra. Dari jumlah tersebut, sebanyak 13 buah projek telah ada peserta dan 23 projek yang belum ada peserta. Dari jumlah projek-projek yang belum ada peserta itu, sebanyak 4 projek telah dibuat temuduga dan sebanyak 8 projek dalam proses temuduga di mana borang-borang permohonan telah diedarkan kepada penduduk-penduduk di sekitar projek. Bagi 4 projek yang telah dibuat temuduga, senarai nama-nama calon telah dibuat dan telah diangkat untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Bagi projek-projek yang belum ada peserta ini, Felcra bersama-sama dengan pihak berkuasa negeri akan membuat pilihan dan seterusnya mendapat kelulusan dalam tahun 1996. Walaupun pemilihan dan kemasukan peserta lewat dibuat, sebarang pendapatan lebih projek tersebut dipulangkan kepada bakal peserta berkenaan dalam bentuk tolak hutang kos pembangunan projek.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Tahun yang lepas kita pernah membangkitkan masalah penyelewengan di dalam Felcra, di mana ada setengah-setengah projek yang besar, yang dibahagikan kepada beberapa projek yang kecil dan kemudian tender diberikan kepada seorang sahaja dan banyak lagilah masalah yang kena mengena dengan Felcra. Sehingga sekarang kita tidak dapat laporan mengenai kecurangan seperti ini. Apakah terjadi dengan masalah ini?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat memang suka membuat tuduhan. Tuduhan itu juga tidak berasas. Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa pihak Felcra dari semasa ke semasa memang sentiasa mempertingkatkan kecekapan dan kebolehan mereka untuk menjalankan projek supaya ia dapat dijalankan dengan licin untuk mengelakkan berbagai-bagai penyelewengan yang mungkin boleh berlaku.

Oleh kerana tidak ada penyelewengan, maka tidak ada laporan yang dibuat kepada Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kepong bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Kita tidak ada masa, Tuan Pengerusi. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hendak jawab. Tunggu. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan ya.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tambun dan Rompin telah menyentuh mengenai projek peningkatan ekonomi dan menyentuh juga mengenai program industri luar bandar. Untuk makluman Yang



Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang mengemaskini pelaksanaan program industri luar bandar yang ada melalui pendekatan baru. Antaranya ialah pendekatan terhadap sistem vendor, subkontrak tiang seri yang dapat membantu meningkatkan keupayaan usahawan-usahawan luar bandar dalam hal-hal pasaran, kemahiran, teknologi dan pengurusan projek.

Di samping itu, penekanan yang lebih akan diberi dalam mengenal pasti calon-calon keusahawanan. Mereka hendaklah menunjukkan ciri-ciri keusahawanan yang tulen dan projek yang berdaya maju untuk dibantu. KPLB juga akan meningkatkan kerjasama dengan kementerian-kementerian, agensi-agensi lain yang terlibat secara langsung dengan pembangunan usahawan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, MITI, Kementerian Kewangan, agensi teknikal seperti MARDI, SIRIM, FRIM dan lain-lain. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan keberkesanan program dan saling lengkap melengkapi antara satu dengan lain. Dengan penekanan ini, diharap dapat menghasilkan usahawan luar bandar yang berdaya saing, mantap dan menyumbangkan kepada pewujudan negara industri. Kita juga mengambil perhatian kepada beberapa cadangan yang dibuat oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang rupanya pakar dalam bidang ekonomi ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Sri Aman meminta kemudahan-kemudahan di bawah program pembangunan luar bandar disebarkan, mungkin melalui radio, akhbar dan lain-lain. Kementerian memang menyebarkan maklumat-maklumat mengenai program pembangunan usahawan luar bandar melalui agensi-agensinya seperti Kemas dan Lembaga-lembaga Kemajuan Tanah dan Lembaga Kemajuan Wilayah. Di samping itu, maklumat juga disebarkan melalui agensi-agensi kerajaan yang lain serta pejabat-pejabat kemajuan negeri

melalui ceramah dan taklimat. Ini adalah bersesuaian dengan objektif program iaitu untuk mewujudkan calon-calon bagi menganggotai masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang menjalankan perusahaan secara sepenuh masa dan berdaya maju. Memandangkan kepada peruntukan yang terhad, itulah sebab program ini tidak disebarkan dengan meluas melalui radio dan akhbar.

Yang Berhormat dari Serdang ada menyentuh mengenai peruntukan bagi pembangunan luar bandar di Selangor dan juga untuk infrastruktur. Tuan Pengerusi, memang negeri Selangor adalah di antara negeri yang termaju di dalam Malaysia tetapi kawasan-kawasan luar bandar khususnya kampung tradisional di Selangor tidak diabaikan. Oleh itu, tiap-tiap tahun ada peruntukan untuk program-program pembangunan infrastruktur, kemudahan utiliti pemodenan kampung. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan dari KPLB bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam yang lepas untuk Negeri Selangor adalah RM111.275 juta.

Yang akhirnya adalah saranan Yang Berhormat dari Rompin yang menyentuh mengenai kebimbangan beliau mengenai kemungkinan pengecilan saiz LKW yang difikirkan oleh beliau dapat membantutkan pembangunan ekonomi di kawasan LKW tersebut. Tuan Pengerusi, ingin saya menjelaskan di sini bahawa sungguhpun saiz LKW mungkin ditutup, tetapi usaha-usaha untuk membangunkan kawasan di LKW berkenaan akan diteruskan. Di bawah falsafah dan strategi pembangunan luar bandar baru, usaha-usaha untuk mengadakan infrastruktur berkualiti dan ekonomi mampan di kawasan luar bandar akan menjadi satu agenda utama. Antaranya memodenkan sektor pertanian dan mempelbagaikan ekonomi luar bandar dengan memperbanyakkan aktiviti industri pembuatan dan perkhidmatan. Bagi memastikan projek utama dan mendesak di

kawasan-kawasan berkenaan dapat diteruskan pelaksanaan, kerajaan telah bersetuju memberi peruntukan one line terus kepada KPLB di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sembilan orang Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, pendirian dan pendapat mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kalau ada apa-apa perkara yang saya tidak sentuh dan tidak jawab di sini, semua perkara itu akan diambil perhatian oleh kementerian.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM430,655,800 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM430,655,800 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,187,727,880 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,187,727,880 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1996.

**Maksud B.49 (Jadual)—**

**Maksud P.49 (Anggaran Pembangunan, 1996) —**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.49 dan Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahaskan.

*3.59 ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, sebelum saya mengemukakan usul berkenaan, bolehkah saya minta satu ruling sama ada untuk perbahasan ini bahawa had masa tidak terpakai supaya boleh adil kepada Yang Berhormat Menteri yang menjadi tajuk dalam Usul Pindaan ini?

**Tuan Pengerusi:** Saya dukacita dengan kerana kita tidak ada masa lagi, hanya minggu ini sahaja untuk kita menghabiskan lagi enam kementerian. Saya membenarkan Yang Berhormat berucap selama 15 minit ya.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Baik, terima kasih. Sungguhpun sangat suntuk, Tuan Pengerusi, saya cadang bahawa RM10 dikurangkan daripada emolumen Yang Berhormat Menteri di bawah Butiran 010000—Khidmat Bantuan, Program 010100—Pentadbiran Am dan Kod 10000—Emolumen.

Apabila Yang Berhormat Menteri menjawab ucapan saya mengenai projek Empangan Bakun semasa menggulung perbahasan Belanjawan pada 14 November 1995, beliau menunjukkan contoh terbaru bagaimana kerajaan tidak memandang berat malah memperdayakan prinsip akauntabiliti dan ketulusan dalam isu projek Empangan Bakun yang bernilai RM15 bilion.

Beliau mempertikaikan dakwaan saya bahawa Kabinet pernah membuat keputusan kebalikan pendirian dalam tempoh tiga tahun mengenai projek Bakun di mana dalam tahun 1990, Kabinet mengambil

keputusan membatalkan projek Bakun tetapi dalam September 1993, Kabinet meluluskan projek Empangan Bakun tanpa merujuk kepada sebarang kajian EIA.

Beliau terang-terang menafikan bahawa Kabinet pernah mengambil keputusan untuk membatalkan projek Bakun pada ahun 1990.

Saya tidak ada access ke atas rahsia-rahsia Kabinet tetapi pengumuman mengenai keputusan Kabinet pada bulan Mei 1990 untuk membatalkan projek Bakun telah dibuat lebih dari satu kali oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pada masa itu, Yang Berhormat dari Sungai Siput dan disahkan oleh Perdana Menteri sendiri.

Pengumuman mengenai keputusan Kabinet untuk membatalkan projek Bakun telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri masa itu pada 27 Mei 1990, yang mendapat liputan di semua akhbar harian tempatan hari berikutnya:

Pada 28 Mei, 1990 di bawah tajuk "\$10 billion Bakun Dam project scrapped—New scheme will utilise Rajang River", *The New Straits Times* melaporkan, dengan izin:

"Kuala Lumpur, Sunday—The Cabinet has decided to scrap the controversial \$10 billion Bakun hydroelectric project in Sarawak.

Instead, said Energy, Telecommunications and Posts Minister, Dato' Seri S. Samy Vellu, a more viable and acceptable power generating project would be built on the Rajang River."

Beliau dilaporkan berkata bahawa alternatif kepada Bakun merupakan pembinaan beberapa empangan kecil di atas sungai yang paling panjang dalam negeri Sarawak ini dan bahawa jabatan-jabatan serta agensi-agensi kerajaan yang terlibat di dalam projek yang dicadangkan itu mesti memastikan bahawa sungai berkenaan tidak akan membanjiri kampung-kampung serta hutan-hutan simpanan di

kawasan berkenaan. Beliau juga berkata bahawa kertas kerja untuk projek di atas Sungai Rajang ini akan dikemukakan kepada Kabinet untuk diluluskan sebelum akhir tahun berkenaan.

Ini hanya bermaksud bahawa dalam mesyuaratnya pada 23 Mei 1990, Kabinet telah mengambil keputusan untuk membatalkan projek Bakun.

Perkara ini disahkan oleh Perdana Menteri sendiri di dalam satu sidang akhbar selepas membuka Persidangan Antarabangsa Mengenai Peliharaan Biodiversiti Tropika di Petaling Jaya pada 12 Jun 1990, yang sekali lagi menjadi berita utama di semua akhbar tempatan, di mana *The New Straits Times* pada 13 Jun 1990 telah melaporkan yang berikut di bawah tajuk "PM: We care for the environment—'Scrapping of Bakun Dam is prooff'"

"Petaling Jaya, Tuesday—Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad said today that Malaysia has made a big sacrifice for the environment by scrapping the \$10 billion Bakun hydroelectric project in Sarawak.

Bukankah kedua-dua kenyataan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri serta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pada masa itu merupakan bukti yang paling jelas mengenai keputusan yang dibuat oleh Kabinet dalam mesyuaratnya 23 Mei 1990 untuk membatalkan projek Bakun atas alasan 'persekitaran'?

Bagaimanapun, ini bukanlah satu-satunya kenyataan mengenai keputusan kerajaan untuk membatalkan projek Bakun pada bulan Mei 1990. Perkara-perkara yang berikut merupakan contoh-contoh tambahan:

\* Dalam bulan Mei 1991 Yang Berhormat dari Sungai Siput telah secara terbukanya mengulangi bahawa "Bakun Dam project in Sarawak is definitely off but a similiar

one also in the state is being studied. Dalam Mei 1990 beliau berkata bahawa keputusan kerajaan mengenai sama ada akan melaksanakan projek Hidroelektrik Murum untuk menggantikan projek Bakun yang telah dibatalkan itu akan diketahui dalam masa tiga bulan.

- \* Dalam bulan Februari 1992, Ketua Menteri Sarawak, secara terbukanya menyeru supaya, dengan izin, the revival of the Bakun Dam project which was scrapped several years ago.
- \* Dua minggu kemudian, di dalam bulan Februari 1992, Timbalan Ketua Menteri Sarawak Datuk Dr. Wong Soon Kai pernah berkata bahawa the Bakun Dam project, which had been scrapped, was being reconsidered.
- \* Pada hari berikutnya, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Dato' Seri S. Samy Vellu pada masa itu mengumumkan bahawa, dengan izin "A feasibility study on the Murum Dam project was being done and this could be the first major hydro project to be implemented in Sarawak after the scrapping of the Bakun Dam project."

Mengikut perkembangan sejarah tersebut di atas, yang merupakan rekod awam mengenai keputusan Kabinet untuk membatalkan projek Bakun dalam bulan Mei 1990, bagaimanakah pula Yang Berhormat Menteri dapat melaksanakan yang 'impossible' dengan mendakwa bahawa Kabinet tidak pernah membuat keputusan sebegini, yang sama seperti mengumumkan bahawa kedua-dua Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos masa itu tidak memberitahu hakikat sebenarnya mengenai projek Bakun kepada rakyat jelata serta negara pada keseluruhannya pada tahun 1990 sampai 1992?

Atas sebab inilah saya telah menyeru supaya kerajaan mengumumkan semua keputusan Kabinet mengenai projek Empangan Bakun untuk membuktikan sama ada Kabinet pernah membatalkan projek Bakun dalam bulan Mei 1990 dan kemudian mengambil keputusan supaya meneruskannya pula dalam bulan September 1991.

Beliau telah mengemukakan satu alasan yang lemah untuk menjelaskan tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan predecessornya yang pernah secara jelas dan berulang kali mengeluarkan kenyataan mengenai keputusan Kabinet pada Mei 1990 untuk membatalkan projek Bakun.

Dari apa yang saya telah petik dari laporan-laporan akhbar tempatan dalam tahun 1990, 1991 malah 1992 termasuk kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri serta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos masa itu adalah jelas bahawa dakwaan Menteri sekarang ini bertentangan dengan apa yang telah dikatakan oleh Perdana Menteri dan rakannya yang terdahulu mengenai projek Bakun.

Parlimen sama ada boleh mempercayai keterangan yang dibekalkan oleh Yang Berhormat Menteri pada 14hb. November 1995 dan dengan itu tidak percaya kepada apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan predecessornya pada tahun 1990, 1991 dan 1992 ataupun mempercayai Perdana Menteri dan Yang Berhormat predecessornya dan tidak percaya kepada Yang Berhormat Menteri sekarang.

Saya lebih rela mempercayai apa yang telah diperkatakan oleh Perdana Menteri dan predecessornya dalam tahun 1990, 1991, 1992 dan tidak percaya kepada apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri sekarang di dalam Dewan Rakyat pada 14hb November 1995, yang bermaksud bahawa Yang Berhormat

Menteri telah melakukan satu kesalahan Parlimen yang serius dengan memperdayakan Parlimen dan seluruh negara.

Inilah satu sebab mengapa saya mengemukakan satu usul memotong gaji beliau sebanyak RM10, yang merupakan satu alat tradisi Parlimen untuk mengutuk Menteri yang tidak melaksanakan tugasnya dengan sepatutnya ataupun seperti dalam kes ini, telah tidak mengendahkan prinsip akauntabiliti dan ketelusan semasa mengendalikannya kes projek Bakun.

Sekiranya para ahli Parlimen percaya kepada Perdana Menteri dan predecessornya, maka mereka haruslah menyokong usul memotong gaji RM10, sekiranya mereka tidak menyokong usul ini, ia hanya bererti bahawa mereka rela mempercayai Yang Berhormat Menteri sekarang dan tidak percaya Perdana Menteri dan predecessornya. Bagaimanapun, usul ini tidak hanya berlandaskan satu alasan sahaja.

Di dalam ucapannya pada 14 November, beliau telah berkata bahawa seorang pengkritik utama Empangan Bakun iaitu Dr. Wang Weilou dari Universiti Dortmund, Jerman tidak layak untuk membuat sebarang analisa kritikal mengenai projek Empangan Bakun kerana beliau tidak ada sebarang akses ke atas kajian-kajian dan data-data mengenai Bakun yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Sekiranya perkara ini benar, maka Yang Berhormat Menteri kerajaan dan Ekran Bhd. seharusnya dapat mematahkan kritikan-kritikan yang dikeluarkan oleh Dr. Wang Weilou secara terbuka dan membongkarkan identitinya sebagai 'orang yang jahil'.

Bagaimanapun beliau tidak dapat mematahkan semua isu-isu berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Dr. Wong Weilou mengenai projek Bakun sama ada yang berkenaan dengan geologi,

kejuruteraan ataupun kewangan dan kritikan Dr. Wang Weilou meliputi:

- (1) Bahawa pendapatan tahunan yang diramalkan oleh Ekran yang berjumlah RM30 bilion dari Empangan Bakun adalah tidak realistik kerana ia berdasarkan kadar efisiensi Empangan Bakun setinggi 85.62% yang mana merupakan rekod dunia baru mengenai efisiensi sesuatu empangan. Memandangkan kadar efisiensi empangan purata dunia hanya 41% dalam awal 90-an. Sebab-sebab utama untuk keadaan ini adalah:
  - (i) penurunan kadar aliran air dalam sungai dan jumlah hujan di kawasan berkenaan;
  - (ii) pertambahan kadar hakisan dan mendapan yang seterusnya mengurangkan kapasiti simpanan empangan berkenaan yang disebabkan oleh aktiviti pembalakan yang meluas.
- (2) Bahawa memandangkan Empangan Bakun tidak berdaya maju dari segi ekonomi, maka ini akan menyebabkan rakyat Malaysia terpaksa membayar kadar electricity yang lebih tinggi.
- (3) Bahawa empangan-empangan yang besar seperti Bakun dapat mencetuskan gempa bumi iaitu yang dikenali sebagai reservoir-induced seismicity yang tidak sama seperti gempa bumi semula jadi dan bahawa reka bentuk Bakun masa kini hanya dapat bertahan kadar gempa bumi setinggi 5 darjah mengikut skil richter walaupun Laporan Interim EIA mengkehendaki direka sehingga bertahan setinggi 6 darjah mengikut skil richter.
- (4) Sehingga hari ini Yang Berhormat Menteri masih tidak dapat

mengemukakan siapakah dia pakar gempa bumi yang bekerja dengan kerajaan dan yang membekalkan nasihat mengenai Bakun dan gempa bumi.

Minggu lepas, Dr. Wang telah dinafikan visa untuk memasuki Malaysia menghadiri satu persidangan mengenai Bakun yang dianjurkan oleh NGOs di Kuala Lumpur serta untuk berjumpa dengan para ahli Parlimen Malaysia.

Tindakan menafikan visa kepada Dr. Wong memasuki Malaysia ini telah memberikan satu tanggapan bahawa kerajaan dan khasnya Yang Berhormat Menteri takut benar terhadap kritikan Dr. Wang yang sangat teliti mengenai projek Bakun. Walaupun Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab terhadap soal pengeluaran visa, tetapi saya pasti sekiranya bukan kerana campur tangan dari pihak-pihak berkuasa yang berkaitan yang mahu memastikan projek Bakun diteruskan, tetapi tidak dapat jawab kritikan-kritikan Dr. Wang mengenai projek berkenaan, Dr. Wang tentu tidak akan dilabel sebagai 'orang yang *persona non-grata*'.

Kegagalan kerajaan meluluskan visa kepada pengkritik Bakun utama Dr. Wang Weiluo ini bukan sahaja tindakan yang tidak demokratik, mencemarkan nama baik antarabangsa Malaysia malah juga menunjukkan bahawa kerajaan hendak menyembunyikan banyak maklumat mengenai Bakun.

Kumpulan Parlimen Malaysia Mengenai Persekitaran dan Pembangunan bercadang hendak menjemput Dr. Wang Weilou ke Malaysia untuk berjumpa dengan para ahli Parlimen Malaysia serta rakyat Malaysia yang ingin mendapat kedua-dua pandangan mengenai pro dan con projek Bakun, maka saya ingin bertanya sama ada Menteri dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terus mengharamkan kemasukan Dr. Wang ke Malaysia.

Saya percaya bahawa Kementerian Dalam Negeri sekiranya hanya menjaga standard kerjanya sendiri, tidak akan menahan magazin *Asiaweek* terbitan 10hb. November yang menerbitkan satu rencana sepanjang 5 muka surat mengenai Bakun selama 12 hari sehingga selepas perbincangan budget dan jawapan penggulangan Yang Berhormat Menteri mengenai Bakun. Sebab utama tindakan kerajaan ini adalah supaya rakyat dalam dan luar negeri akan terus percaya bahawa Bakun mendapat sokongan yang amat besar dari rakyat di Malaysia amnya dan penduduk Belaga yang terjejas khasnya.

Sekiranya *Asiaweek* terbitan 10hb. November yang telah diedarkan ke pasaran mengikut jadual masa asal, maka ia akan membongkar mitos yang cuba dikekalkan oleh Yang Berhormat Menteri di Parlimen mengenai sokongan yang amat besar yang ditunjukkan oleh masyarakat Kenyah, Kayan dan Penan di Belaga terhadap Bakun semasa beliau menggulung perbincangan Belanjawan pada 14hb November.

Yang lebih serius lagi ialah laporan lima muka surat *Asiaweek* mengenai Bakun ini akan mengingatkan lagi tahap kekhuatiran rakyat jelata mengenai isu Bakun di dalam seluruh tempoh perbincangan Belanjawan. Sebagai contoh, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kebanyakan masyarakat Kenyah dan Kayan di kawasan Belaga menyokong projek Bakun telah dibuktikan sebagai tidak benar kerana sehari selepas beliau menggulung ucapannya di Parlimen, masyarakat-masyarakat asal Kayan, Kenyah dan Penan di kawasan Bakun di Sarawak telah menghantar beberapa memorandum kepada fund managers yang menjalankan 'road-show' di kawasan pembinaan Bakun. Memorandum mereka ditulis dalam bahasa ibunda mereka masing-masing dan mengumumkan tiga pendirian utama mereka iaitu:

- (i) bahawa rakyat di hulu Sungai Rejang tidak bersetuju dengan

pembinaan projek empangan hidroelektrik Bakun kerana ia akan membanjiri tanah pusaka serta harta-benda mereka;

- (ii) bahawa mereka tidak mahu dipindahkan dari tanah pusaka mereka; dan
- (iii) bahawa mereka orang miskin yang merupakan majoriti di kawasan Bakun, bersedia mati di tanah pusaka mereka sekiranya projek Bakun diteruskan.

Ini merupakan contoh-contoh terbaru yang dapat dilihat yang berkaitan dengan sikap tidak mengendahkan prinsip akauntabiliti dan ketelusan di dalam isu projek Bakun. Seperti mana yang dibentangkan dalam satu kertas kerja di Persidangan Bakun minggu lepas, WWF yang merupakan satu lagi pengkritik Bakun selain daripada Dr. Wang telah mengatakan bahawa projek Bakun telah membangkitkan keraguan mengenai kegunaan dan kredibiliti proses EIA di dalam negara kita kerana hinggakini terwujudnya penipuan di dalam proses EIA, dengan izin, assessment in stages, unexpected changes in authority, retrospective legislation, disbanding of the EIA Review Expert Panel and inconsistent statements by both the authorities and the developer”.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta gulung. Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, saya gulung sungguhpun ada panjang lagi. Di sini saya ingin menjelaskan sekali lagi bahawa saya bukanlah hendak mengambil pendirian anti kuasa hidro elektrik ataupun anti Bakun tetapi oleh kerajaan telah gagal mematuhi prinsip akauntabiliti dan ketelusan ataupun menjawab persoalan-persoalan yang serius mengenai daya maju Bakun sama ada dari segi economy, ecology, technical, social

atau budaya dan apa yang paling tidak dapat diterima ialah menteri-menteri dan juru-juru cakap kerajaan telah menunjukkan sikap evasif ataupun langsung tidak jujur semasa menangani isu Bakun sama ada di dalam ataupun di luar Parlimen sebagaimana yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri semasa beliau menafikan bahawa Timbalan Perdana Menteri pernah berjanji dalam bulan Julai tahun ini semasa mengadakan dialog bersama NGO bahawa kerajaan akan mengemukakan semua kajian yang pernah kerajaan lakukan ke atas projek Bakun. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong terbuka untuk dibahas. Rompin. Perbahasan 10 minit seorang, ya!

4.15 ptg.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyertai perbahasan bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bagi Butiran 020000—Kawal Selia, Elektrik dan Gas.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya mengambil kesempatan Tuan Pengerusi, saya ada masa berapa lama?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** 10 minit, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya, 10 minit, terima kasih.

Tadi kita telah mendengar di Dewan yang mulia ini hujah daripada Ketua Pembangkang tentang usul beliau untuk memotong gaji daripada peruntukan yang disebutkan—RM10. Saya tidak bersetuju bahawa perkara ini perlu dibawa dalam Dewan yang mulia ini khususnya saya

nampak bahawa rasional yang dibawa oleh Yang Berhormat ialah tentang pelaksanaan projek Bakun. Banyak telah diperbincangkan tentang Bakun. Tadi kita telah mendengar bahawa menuduh menteri tidak accountable, tidak transparent seolah-olah satu perkara yang besar yang telah dituduhkan kepada menteri.

Kalau kita lihat dari segi senario tenaga kita untuk dekad yang akan datang, semua sedia maklum bahawa pada tahun 2003 ke atas dan 2005 ke atas kita kekurangan tenaga lebih kurang 8,000 megawatt di Semenanjung Malaysia dan lebih kurang 300 megawatt di Sarawak dan Sabah. Jadi, bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini? Apa formulanya? Saya dengan Ketua Pembangkang ini macam bapalah, orang lama kita dengar dan banyak jugalah peranan yang beliau bawa kepada negara kita. Tetapi dalam isu ini saya berbeza pendapat sedikit dengan beliau. Kalau ada kekurangan....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang Berhormat Kepong, nanti. Dia ini hendak ambil alih DAPkah selepas ini? Ini sokong bosskah? Beri saya habis dahulu, saya ada 10 minit sahaja. Setelah habis hujah saya akan beri kepada Kepong sebab dia baik orangnya.

Bagaimana kita hendak menyelesaikan permasalahan tenaga ini dalam tahun 2005 ke atas nanti sebab kita kekurangan 8,000 megawatt. Apa sebenarnya perancangan? Kalau parti DAP ini benar-benar positif memainkan peranan sebagai satu parti di negara kita untuk membantu membangunkan negara kita, apakah formulanya? Hendak menyelesaikan masalah 8,000 megawatt ini apakah formulanya? Nuklear?

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Biar saya habiskan dahulu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong bangun lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Nanti, nanti. Ini berdialog. Nanti saya habiskan dahulu. Kita lihat dari segi pelaksanaan yang dibuat ini amat kecil. Ini bukan satu projek hidro yang besar. Kita lihat yang lebih besar di Amerika Selatan yang dipanggil projek ITAPO, 20,000 megawatt dilaksanakan 20 tahun dahulu, tiada masalah. Yang kita hendak buat di Sarawak ini bukanlah sebesar itu sangat, yang menjadi isu besar. Saya nampak DAP ini kalau kita tidak buat apa-apa, dia kata kerajaan tidak buat apa-apa. Dituduhlah macam-macam bila ada 'black-out' di Pulau Pinang. Bila kerajaan merancang sesuatu supaya negara kita tidak menghadapi masalah yang sama, masalah 'black-out' pada tahun 2000 akan datang, dia kata tidak ada apa yang kita buat. (*Tepuk*) Apa ini? Pilihan raya lama lagi tetapi kempen politik ini sudah mula.

Isu-isu yang dibangkitkan seperti kecekapan hidro, yang dia pula menggunakan seorang tokoh yang bernama Dr. Wang. Siapa dia Dr. Wang ini? Dia seorang sahajakah yang tahu tentang pakar ini? Tiada pakar lainkah? Saya hendak bertanya, Dr. Wang ini adakah dia melibatkan diri dalam projek ITAPO Hidro ini? Di projek hidro yang mana dia melibatkan dirinya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong bangun lagi.



**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato'**

**Mohd. Jarjis:** Tidak beri lagi. Selepas ini baru saya beri. Sebab kalau dia bersetuju hendak ambil alih DAP, saya beri. Mengapa kita menggunakan satu pakar yang saya rasa kadang-kadang pakar ini mungkin ada agenda lain. Tidak ada pakar lainkah? Kalau ada 10 pakar yang betul-betul tidak melibatkan diri dalam politik, mengapa kita tidak benarkan. Banyak pakar-pakar lain dibenarkan datang ke negara kita. Kita benarkan, kita beri visa. Saya takut Dr. Wang ini ada agenda lain. Kalau siang dia ada agenda hidro, mungkin malam pula dia ada agenda politik dengan DAP, itu yang saya takut. Ini sebenarnya.

Kalau kita lihat dari segi isu keselamatan empangan, seperti yang saya katakan tadi, ITAPO lebih besar. Tempatnya tidak berjauhan dengan kawasan yang mungkin ada risiko gempa bumi. Diadakan reka bentuk yang sesuai untuk menghadapi cabaran-cabaran seperti gegaran gempa bumi. Ini biasalah. Di Jepun, mereka buat bangunan lebih tinggi, dibuat juga dengan adanya keselamatan dan dari segi reka bentuk berhadapan kalau ada cabaran gempa bumi. Gempa bumi biasalah. Kalau projek yang besar berhadapan dengan kawasan yang ada gempa bumi, diambalkan reka bentuk dan juga jurutera-jurutera yang boleh mereka bentuk ini untuk menghadapi cabaran-cabaran daripada gempa bumi.

Jadi, kita tidak menolak, memang benar risikonya ada seperti gempa bumi. Tetapi tidak bermakna kerajaan yang melaksanakan projek ini, yang mengawasi projek ini, saya yakin kerajaan akan memastikan mereka yang mereka bentuk empangan ini akan mengambil kira gempa bumi yang tidak jauh daripada kawasan empangan ini.

Tuan Pengerusi, perkara kedua ialah tentang 'economic viability'. Ini pun ada disentuh tadi, tidak viable. Kalau satu projek itu dibuat oleh swasta, sudah semestinya projek itu viable. Manalah ada

satu projek di mana badan swasta mengambil alih atau mengendalikan satu projek yang berbentuk komersil ini yang akan merugikan mereka. Kita tahu semuanya, dalam projek Hidro ini, kuasa yang diberi ialah untuk 'base load,' bukan selalunya biasa untuk 'peaking load,' dengan izin, ini teknikal. Kita gunakan, kalau boleh, seluruh masa. Bukan masa-masa tertentu untuk beban yang tinggi sahaja. Economic viability mestilah berasaskan kepada itu. Kita tahu, semua projek hidro lebih viable, ekonominya lebih baik daripada apa jua projek yang berasaskan sama ada gas, coal, bahan api ataupun dengan nuklear.

Saya nampak bahawa Hidro Bakun ini perlulah diberi sokongan. Saya rasa bahawa isu-isu yang dibangkitkan asas-asas yang dibangkitkan tadi saya tidak bersetuju dan mempunyai pendapat berlainan dengan apa yang telah dikatakan.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, tentang penempatan semula penduduk. Saya rasa semua orang yakin bahawa dalam pelaksanaan projek yang besar-besarnya ini bahawa kepentingan masyarakat tempatan itu amat penting. Saya yakin, dan kita semua yakin bahawa kerajaan negeri akan mengambil kira ini. Banyak mesyuarat telah dibuat dengan masyarakat di Sungai Rajang, ada wakil rakyatnya di sini, juga telah menyuarakan kebimbangan. Saya yakin bahawa kita semua menyuarakan kebimbangan, peranan dan apakah dia kesan kepada rakyat tempatan yang duduk berhampiran dengan Projek Bakun ini. Kita yakin bahawa kerajaan telah mengambil apa jua usaha, apa jua perancangan untuk memastikan masyarakat tempatan tidak terjejas daripada projek ini.

Saya bimbang bila dengar ada perkataan bahawa isu-isu yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang. Tetapi yang saya paling bimbang sangat, yang lain itu biasalah berlainan pendapat, saya kira. Kebimbangan saya, bila ada satu kata-kata mengatakan

bahawa mereka sanggup bersedia mati. Tetapi kalau boleh, janganlah sampai ini menjadi satu permainan kita dalam perbincangan tentang perkara ini. Bila kita menggunakan perkataan-perkataan ini, ianya akan membahayakan.

Saya yakin bahawa perkara ini tidak wajarlah kita gunakan. Bahkan akan membangkitkan satu semangat, satu keadaan di mana akan menjadi sesuatu yang menjejaskan negara kita. Saya nampak, kalau boleh, usul saya marilah kita dan kerajaan menyiasat adakah benar apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang tadi perkara-perkara ini berlaku. Kalau ini menjadi satu perkara, saya yakin bahawa sesuatu patut diusahakan, tidak payah saya berhujah lebih mendalam. Tetapi perkara yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang tadi, saya bimbang benar bahawa dalam kita memberikan pendapat kita dalam pelaksanaan projek ini, janganlah sentimen ini dibangkit-bangkitkan. Usahlah kita bimbang.

Saya sekali lagi, Tuan Pengerusi, ingin membawa satu pandangan bahawa saya tidak bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, iaitu untuk memotong gaji RM10.00 daripada Menteri dalam Butiran 010200, dan saya mohon menyokong projek ini dan juga peruntukan bagi kementerian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bukit Mas.

4.26 ptg.

**Tuan Michael Lisa Kaya (Bukit Mas):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan ini, khusus untuk menentang motion ataupun usul Ketua Pembangkang. Saya percaya di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi, banyak yang kita telah dengar mengenai projek Bakun ini, dan saya salah seorang daripada Wakil Rakyat

Barisan Nasional dari Sarawak harus perlu dan bertanggungjawab yang besar, iaitu untuk menyatakan pendirian kerajaan dan rakyat keseluruhannya, khusus rakyat dari Sarawak, dan saya juga sebagai Ahli Parlimen menyokong penuh projek Bakun ini.

Tuan Pengerusi, sebetulnya seperti Ketua Pembangkang, saya menyediakan 15 keping untuk berhujah, tetapi oleh kerana mungkin ada beberapa rakan saya dari Sarawak ingin memberi sedikit ucapan, saya hanya petikkan yang penting di sini, khusus mengenai projek Bakun ini.

Saya tidak bersetuju, Tuan Pengerusi, sekiranya ada masalah tidak payah kita bawa seperti mengurangkan RM10.00kah dan cara-cara seperti begini. Oleh kerana projek Bakun ini satu projek yang besar dan akan dilaksanakan melalui penswastaan, memang projek ini ada latar belakang yang begitu panjang, tak payah kita mengulangkan sekali lagi. Apabila saya mendengar hujah Ketua Pembangkang tadi, dia hanya menyebutkan masa, haribulan yang begitu sahaja. Tak berapa penting, Tuan Pengerusi. Yang penting ialah kerajaan telah membuat beberapa kajian, misal kata, 'Master Plan for Power Development in Sarawak 1981, Feasibility Study, Bakun and High Voltage Direct Current Transmission 1983, National Energy Planning Study 1986, dan Powers Sector Issues and Obscence Study 1987?'

Daripada kajian-kajian seperti ini, itulah sebabnya projek Bakun ini dimula oleh kerajaan oleh kerana ia didapati berdaya maju dari segi ekonomi dan teknikal.

**Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak beri jalan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat bersetuju apabila Kabinet ambil keputusan pada tahun 1990 untuk

membatalkan projek Bakun? Apakah pendirian Yang Berhormat pada masa itu?

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tuan Pengerusi, sebelum itu saya masih bertugas di dalam deck, tak payah saya menjawab. Tetapi sekarang saya setuju dengan projek ini, oleh kerana beberapa perkara yang saya akan bawa di sini, khusus berkenaan dengan negeri Sarawak dan masyarakat Orang Ulu. Yang lain-lain itu, tak payah saya menerangkan.

Dari segi kos, Tuan Pengerusi, kerajaan telah menegaskan beberapa kali melalui menteri yang berkenaan dan melalui beberapa taklimat yang kita hadiri bahawa projek Bakun merupakan satu projek kos yang terendah sekali selepas tahun 2000. Di sini saya ingin memberi sedikit data-data mengenai kajian yang telah dibuat oleh kerajaan.

Dengan izin, it is in English, Tuan Pengerusi. Economic costs of energy comparison between Bakun and thermal alternative in Peninsular Malaysia Power System (cent per kilowatt/hour).

Dalam tahun 2000, harga Bakun RM11.56 per kilowatt/hour dibanding dengan coal RM10.18; conventional gas RM11.08; combined cycle gas RM11.04. Pada tahun 2020—Bakun RM11.56; coal RM10.69 conventional gas RM12.35, combined cycle gas RM12.20. Tahun 2025, Bakun RM1.17 ....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan tidak?

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Let me finish this one first. RM1.17 coal RM5.34 conventional gas RM8.71, combined cycle gas RM12.20.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadar yang disebutkan tadi ialah berdasarkan kepada efficiencynya 85%

walhal empangan itu besar kemungkinan akan mempunyai hanya 45 ataupun 50%. Kalau ada 50%, apakah kosnya kelak?

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tuan Pengerusi, data yang saya petikkan ini, data daripada kerajaan dan kerajaan mempunyai pakar-pakar seperti daripada Economic Planning Unit, Jabatan Perdana Menteri. Saya tidak sedar mengenai apa yang Yang Berhormat tadi katakan...

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Saya tidak berilah, nanti Tuan Pengerusi, saya tidak dapat memberi hujah saya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Selaras dengan dasar penswastaaan ini, kerajaan telah memberikan projek Bakun ini kepada Ikrans Bhd., salah satu syarikat, boleh dikatakan syarikat gergasi berasal dari Sarawak. Daripada dasar ini saya setuju. Saya setuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jemaah kabinet dan Menteri-menteri yang berkenaan, oleh kerana mereka peka, prihatin terhadap feelings ataupun perasaan rakyat di Sarawak. Itulah sebabnya IKRAN diberi, tidak bermakna IKRAN hanya dapat melaksanakan ini. Saya difahamkan bahawa IKRAN akan melibatkan beberapa agensi-agensi kerajaan yang lain misal kata TENAGA, HICOM dan lain-lain. Dari segi dasar ini, kita setuju oleh kerana ini adalah satu dasar kerajaan yang memberi kepentingan kepada salah satu syarikat daripada Sarawak oleh kerana Bakun ini terletak di Sarawak.

Tuan Pengerusi, kita di Sarawak memang memerlukan projek ini. Dari beberapa aspek ianya dapat membangunkan negeri Sarawak

khususnya di kawasan pedalaman iaitu di kawasan Belaga, Kapit di Hulu Rejang. Dengan adanya Projek Bakun ini, beberapa peluang akan muncul berikutan dengan pelaksanaannya, misal kata di kawasan pedalaman sekarang, saya jemput semua ahli pembangkang datang ke Belaga, tinjaukan keadaan sekarang. Adakah perancangan mereka untuk.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** .....membangun kawasan Belaga ataupun adakah perancangan mereka yang terbaik sekali daripada kerajaan?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tidak beri, tidak payah beri. Masih ada tujuh keping lagi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tinggal satu minit, Yang Berhormat.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Saya betul-betul terperangkap oleh kerana minat mereka untuk membela masyarakat Orang Ulu di Belaga ataupun di Sarawak oleh kerana saya sendiri pun daripada masyarakat Orang Ulu.

Tuan Pengerusi, daripada Projek Bakun ini tidak lebih daripada 15,000 peluang pekerjaan akan muncul di Sarawak dan saya harap kerajaan dapat memberi peluang ini kepada rakyat-rakyat dari Sarawak khususnya di kawasan pedalaman di Bakun, di Belaga, di Kapit. Ini adalah peluang pekerjaan.

Masyarakat Orang Ulu yang terlibat secara langsung 9,427 seperti kaum Kenyah,

Kayan, Lahanan, Penan dan lain-lain. Saya pun ada kawan di belakang ini daripada kaum tersebut dan dari tempat itu dan mereka ini akan ditempatkan semula oleh kerajaan negeri Sarawak.

Dengan adanya Bakun ini, kemudahan-kemudahan akan dibekalkan untuk mereka. Sekiranya tanpa Bakun, 10 tahun yang akan datang keadaan seperti begitu sahaja kita dapati di Belaga. Dari segi membangunkan kawasan pertanian secara komersil, sejumlah 45,000 hektar ataupun lebih kurang 115,000 ekar tanah akan dibuka oleh kerana Bakun. Ini juga peluang pekerjaan, peluang ekonomi, peluang juga untuk businessman, usahawan kecil-kecil untuk melibatkan diri di dalam perusahaan Bakun.

Selain daripada ini, Tuan Pengerusi, industri-industri akan tumbuh oleh kerana Projek Hidro Bakun ini, misal kata industri yang ada kaitan dengan kabel industri sekiranya sepanjang 1600 km kabel ataupun transmission line yang akan dilaksanakan oleh Projek Bakun ini dari Bakun ke Tanjung Datu 675 km dan kabel HVDC dasar laut dari Sematan, Sarawak ke Johor 650 km.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa sudah cukup ya, masa cukup.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** .....dari Tanjung Tenggara ke Selangor 325. Seperti yang saya katakan di sini, industri-industri ini akan muncul dan membawa kepentingan sampingan untuk negeri Sarawak. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya ingat, saya kena beri dua orang sahaja yang dapat mengambil bahagian sebab kita sudah suntuk. Saya beri Hulu Rajang, selepas itu Kepong. Hulu Rajang.

4.36 ptg.

**Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang):** Terima kasih, Tuan Pengerusi sebab memberi saya peluang untuk mengambil bahagian. Sebelum saya memberikan ucapan saya, terlebih dahulu saya ingin menyatakan di sini, mungkin apa yang saya sebutkan di sini agak lain sedikit tetapi, sebagai Ahli Dewan umumnya, saya menyokong kerajaan tetapi sebagai Ahli Parlimen kawasan yang terlibat iaitu Hulu Rajang di mana letaknya Bakun, menjadi tugas saya juga untuk menyampaikan mesej dari penghuni di sana, jadi saya harap saya tidak disalahtafsirkan.

Ke arah mencapai Wawasan 2020 negara kita memang memerlukan sumber tenaga yang murah serta bersih. Bakun, menurut maklumat Kementerian Tenaga merupakan satu sumber yang demikian rupa. Memandangkan itu, saya selaku Wakil Parlimen Hulu Rajang, iaitu kawasan tapak Projek Bakun memang menyambut baik projek tersebut, malah saya berani menyatakan walaupun rakyat Belaga yang terpaksa berpindah kerana projek itu amat berat hati meninggalkan tempat asal mereka, namun mereka sanggup berkorban demi keperluan negara. Begitu juga dengan rakyat Belaga yang lain yang secara langsung dan tidak langsung akan mengalami kesan projek ini. Hanya rakyat berharap pelaksanaannya dijalankan sejajar dengan prinsip masyarakat penyayang iaitu pengorbanan mereka diambil berat oleh negara dan dibalas secara setimpal. Harap jangan kerana jauh di mata, jauh juga di hati. Diharap jangan rakyat Belaga bertambah susah dan janganlah mereka yang menanggung sebahagian besar kos sosial, ekonomi, budaya dan alam persekitaran sementara rakyat lain pula yang menikmati faedah yang besar daripada projek ini.

Balasan yang setimpal haruslah berpegang kepada budaya Malaysia 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'. Dimaklumkan .....

**Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Tanjong minta penjelasan, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Billy Abit Joo:** Saya minta maaf, saya tidak ada masa sekarang ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, teruskan.

**Tuan Billy Abit Joo:** Dimaklumkan rakyat Belaga kini amat ragu dan sedang bertanya-tanya, apakah rancangan penempatan semula dan apakah masa depan mereka? Mereka mendengar siaran radio dan melihat di TV bahawa perpindahan akan bermula pada Jun 1997. Mereka ketahui kerja pembinaan akan bermula sekejap masa lagi. Mereka telah mengalami berbagai tindakan pihak pelaksana projek yang setakat ini kurang menyenangkan hati mereka. Mereka juga mendapat berita akan berapa luas tanah akan diperuntukkan kepada setiap keluarga dan ini bukan setakat tidak menyenangkan hati, malah merunsingkan mereka.

Setahun dahulu, pada November 1994, rakyat Belaga telah membuat pelbagai permintaan, terkandung dalam satu laporan melalui Bakun Development Committee (BDC). Tetapi, sehingga kini mereka belum lagi mendapat sebarang jawapan yang tetap dan walaupun benar pihak BDC dijemput menghadiri pelbagai taklimat dan sesi dialog sejak bulan September tahun ini, akan tetapi taklimat dan sesi dialog ini memberikan maklumat bukan secara menyeluruh tetapi secara rationing, sedikit demi sedikit walaupun kononnya sedia ada satu laporan mengenai bentuk dan rupa rancangan penempatan semula tanpa satu gambaran yang menyeluruh, maka sukarlah rakyat Belaga dan BDC menilai rancangan penempatan semula itu dan memberikan maklum balas yang membina dan positif.

Umumnya, rakyat Belaga berasa bimbang dan saya harap selepas ini pihak pelaksana akan lebih prihatin tentang cita rasa rakyat yang terlibat dalam projek ini. Ada beberapa perkara yang setakat ini yang kurang menyenangkan. Misalnya, apabila projek Bakun dilancarkan semula, pelaksana projek mengatakan rakyat Belaga akan diberi keutamaan di dalam peluang pekerjaan dan peluang business. Akan tetapi, bila Bakun Resort iaitu suatu hotel di tapak projek ini dibina, ia dibina dengan pekerja asing dan tidak sebatang paku pun diambil daripada peniaga di Belaga. Kemudian tanpa kata putus rundingan, malah tanpa notis yang sewajarnya kepada rakyat rumah panjang Kejamalajah, pelaksana projek terus melancar kerja membuat lapangan terbang. Tanah itu sebahagiannya adalah milik penduduk rumah panjang.

Apa yang kita khuatirkan di sini, untuk melibatkan massa, mungkin pihak pelaksana tidak begitu mengambil berat perasaan mereka yang terlibat di sekitar projek ini.

Begitu juga kerja meratakan tanah di kawasan penempatan semula dijalankan tanpa notis yang sewajarnya.

**Tuan Lim Hock Seng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Billy Abit Joo:** Ya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bagan bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Billy Abit Joo:** Saya minta maaf, tidak ada masa ini. Malangnya tanah yang telah di tolak termasuk kawasan rakyat rumah panjang dan kini mereka bimbang di mana mereka akan berladang tahun depan. Adakah mereka akan dibenarkan membuka

tanah hutan? Kerja ini juga meninggalkan kesan yang tidak menyenangkan kepada rakyat Belaga yang lain. Pelaksana telah membina beberapa blok rumah dan mengumumkan bahawa rumah ini adalah rumah contoh dan kampung contoh untuk Bakun. Lalu rakyat berfikir, inilah rumah dan kampung untuk penempatan semula.

Sebenarnya, rumah dan kampung itu adalah untuk bakal pekerja ladang kelapa sawit tetapi kerana kekurangan maklumat tentang penempatan semula serta pengumuman pelaksana, rakyat Belaga terkeliru; ramai telah mengunjungi apa yang dikatakan rumah dan kampung contoh itu dan mereka merasa kecewa kerana rumah itu adalah lebih kecil daripada rumah mereka sekarang.

Perkara ini menunjukkan betapa pentingnya melibatkan rakyat di dalam proses perancangan penempatan semula. Tambah lagi, kawasan yang telah diberi kepada pelaksana untuk ladang kelapa sawit, merupakan sebahagian daripada kawasan yang telah ditetapkan untuk penempatan semula. Dan ada berita lagi, satu kawasan yang ditetapkan untuk penempatan semula akan diberi kepada sebuah syarikat yang lain.

Kalau benar, maka dari tiga kawasan yang dikenal pasti untuk penempatan semula, tinggal satu sahaja lagi untuk rakyat Belaga yang terpaksa berpindah. Dan ini pun kononnya dibahagi dua. Sebahagian kepada sebuah agensi untuk dimajukan sebagai ladang kelapa sawit, sebahagian lagi diperuntukkan kepada rakyat yang berpindah.

Rakyat boleh menerimanya kalau ini berbentuk skim Felda, di mana rakyat akan memiliki tanah yang dimajukan. Mereka mahu tanah yang dimajukan sebagai ladang akan menjadi milik rakyat Belaga yang dipindahkan. Benar, terdapat cadangan bahawa 30% daripada saham syarikat-syarikat yang memajukan ladang-ladang

kelapa sawit itu akan diperuntukkan kepada rakyat yang berpindah serta rakyat-rakyat asal ataupun hose community, di kawasan perpindahan. Tetapi yang tidak jelas ialah sama ada saham ini akan diberi atau dijual kepada rakyat yang berkenaan. Kalau dijual—maka rakyat yang kena berpindah yang mengeluarkan modal dan membiayai syarikat pemaju ladang kelapa sawit—satu keadaan yang susah diterima oleh rakyat di sana.

Yang lebih penting, rakyat Belaga, rakyat yang terdiri dari suku kaum Kayan, Kenyah, Kajang dan Penan, memang terikat dengan tanah, bukan hanya dari segi budaya tetapi dari segi ekonomi. Tanah adalah satu pesaka datuk, nenek, moyang dan yang akan menjadi pesaka kepada cucu cicit. Tanah adalah tiang masyarakat ataupun nadi hidup masyarakat orang hulu. Tanah yang menjamin masa depan mereka. Rakyat terlibat tidak takut susah dan lapar sekiranya mereka ada tanah untuk bercucuk tanam. Tambahan lagi rakyat Belaga yang terpaksa berpindah belum yakin untuk bekerja sebagai kuli di dalam ladang kelapa sawit kerana gaji harian diramal mungkin rendah dan tidak dapat menampung keperluan hidup mereka.

Tuan Pengerusi, isu tanah. Inilah satu isu pokok di dalam penempatan semula. Menurut maklumat rasmi, rakyat akan diberikan antara dua hingga tiga hektar sekeluarga, sementara rakyat Belaga telah meminta sekurang-kurangnya 12 hektar sekeluarga. Permintaan mereka sudah dikurangkan daripada permintaan setahun dahulu iaitu 20 hektar sekeluarga.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Billy Abit Joo:** Tuan Pengerusi, boleh beri lima minit lagi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sedikit lagi.

**Tuan Billy Abit Joo:** Okay. Rakyat Belaga kebanyakannya bertanah. Dalam keadaan sekarang, secara purata mereka yang terpaksa berpindah memiliki lebih kurang 30 hingga 40 hektar sekeluarga.

Tuan Pengerusi, saya cuba pendekkan ucapan saya. Saya meminta supaya rancangan dan langkah, satu syarat yang rakyat Belaga kemukakan ialah tanah yang tidak ditenggelami air patut kekal sebagai hak milik mereka. Memang rakyat memahami mesti ada sekatan terhadap corak penggunaan tanah itu, tetapi mereka sayangkan tempat asal mereka dan mereka juga mempunyai cita-cita memajukan kawasan itu secara komersil.

Akhir sekali, saya meminta supaya rancangan dan langkah-langkah yang perlu diambil dari sekarang untuk menangani gejala dan masalah sosial yang saya fikir pasti muncul akibat kemasukan pekerja asing secara besar-besaran serta pemusatan penduduk di dalam satu kawasan yang agak kecil dan secara mendadak.

Sebagai penutup, saya ingin menegaskan bahawa saya membangkitkan hal-hal tersebut kerana sebagai seorang wakil Parlimen Barisan Nasional, saya hendak melihat program penempatan berjaya di samping hydroelectric power Bakun membawa keuntungan kepada negara.

Tuan Pengerusi, maklumlah rakyat Belaga yang terdiri daripada suku kaum Kayan, Kenyah, Kajang dan Penan merupakan satu kumpulan minoriti yang kecil, tidak sampai 5% daripada jumlah penduduk Sarawak. Memang mereka tidak ada suara yang kuat dan setakat ini mereka tidak bercakap lantang tentang hal ini, sebaliknya secara lemah lembut. Mereka telah menyatakan, mereka sanggup berkorban demi kebaikan negara. Patutlah negara bertimbang rasa dan cuba memenuhi permintaan mereka, permintaan yang pada pendapat saya agak munasabah. Dan memandangkan pihak BDC sedang dalam

proses berbincang dengan kerajaan, saya harap saranan saya dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Ingin saya tegaskan sekali lagi, saya menyambut baik HEP Bakun dan diharap doa dan kehendak rakyat dapat ditunai oleh kerajaan supaya tidak menghampakan rakyat Belaga yang menyokong pembinaan HEP Bakun dengan seribu harapan. Sekian, terima kasih dan dengan itu saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong.

4.50 ptg

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya diberitahu bahawa Yang Berhormat tadi pernah mengatakan bahawa 100% daripada majoriti penduduk asal yang menyokong projek Bakun. Nampaknya, dia kesal kemudian kerana dengan permintaan-permintaan itu menunjukkan beliau tidak sungguh-sungguh berikhtiar untuk menyelesaikan masalah alam sekitar dan penempatan semula.....

**Tuan Billy Abit Joo:** (Bangun)

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** (Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun, Yang Berhormat—2 orang bangun Yang Berhormat. Julau bangun. Hendak beri jalan kepada yang mana satu? Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, tidak ada masa, saya ada setengah jam—boleh beri saya setengah jam?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila beritahu Yang Berhormat tidak beri jalan!

**Tuan Billy Abit Joo:** Saya hendak menjelaskan.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya memerlukan setengah jam sekurang-kurangnya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Billy Abit Joo:** Kalau tidak mahu beri jalan, jangan sentuh apa yang saya sebut.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebenarnya kami di sini hendak tolong dia sahaja, tetapi dia tidak begitu faham keadaannya. Kedua-dua kita pun pernah ke Belaga.

Tuan Pengerusi, sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya berharap Yang Berhormat Kanowit boleh mengkaji semula reka bentuk, cost consequence dan litar penghantaran kuasa bawah laut, penempatan semula yang bererti bagi 8,000 atau 9,000 orang yang terbabit dan mengambil iktibar daripada empangan-empangan yang telah pun kelihatan di seluruh dunia, misalnya Nurek di Russia, Grand Dixence di Switzerland, Inguri di Russia, Vaiont di Italy, Tehri dan Kishaw di India, Guavio di Colombia, Mico di Canada, Chicoasen di Mexico, New Cornelia Tailings di Amerika Syarikat, Tarbela di Pakistan, Fort Peck di Amerika Syarikat, Yacyreta-Apipe di Argentina/Paraguay, Guri di Venezuela, Rogun di Russia, Oahe di Amerika Syarikat, Mangla di Pakistan, Gardiner di Canada, Afsluitdijk di Netherlands dan Oraville di Amerika Syarikat. Di dalam DAP ini semua kita memang buat kajian dengan teliti.

Kita berharap Yang Berhormat Kanowit boleh mengkaji semula dan mengambil iktibar daripada empangan-empangan seperti ini supaya kita dapat menentukan daya majunya empangan Bakun.



Tuan Pengerusi, daripada 5 muka laporan di *Asiaweek* ini, nampaknya Yang Berhormat di sebelah sana tidak membaca. Saya hendak pinjamkan untuk dibaca. Laporan 5 muka surat *Asiaweek* ini telah mengesahkan bahawa projek Bakun telah gagal mendapat sokongan daripada masyarakat Kayan, Kenyah dan Penan di kawasan Belaga serta membangkitkan isu serius mengenai keboleh-laksanaan dan kesahan ataupun keperluan projek berkenaan.....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Batang Lupar bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya memerlukan setengah jam atau pun satu jam.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat tidak beri jalan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Satu jam sahaja ataupun saya boleh pinjamkan di sini (menunjukkan sebuah majalah) ataupun seperti mana laporan *Asiaweek* yang secara diplomatiknya mengatakan, dengan izin, the trouble is not feasibility, legality or necessary. There is no evidence that it fails any three of these litmus tests. The problem is that the government has failed to prove that it passes even one of them.

Bagaimanapun, sekiranya *Asiaweek* terbitan 10hb November, ini secara sengajanya ditahan dari pembaca Malaysia supaya laporan 5 muka surat mengenai Bakun ini tidak akan menjejaskan perbincangan Parlimen mengenai isu Bakun dalam perbincangan Belanjawan, maka ia akan merupakan insiden utama dalam sejarah Malaysia di mana Kementerian Dalam Negeri telah memanipulasikan kuasanya untuk mencapai satu objektif yang remeh temeh.

Tuan Pengerusi, perkara ini jelas kelihatan kerana selepas Yang Berhormat Kanowit habis menjawab di Parlimen pada 14hb November, rakyat Malaysia mula menerima *Asiaweek* mereka ataupun membelinya dari pondok akhbar tempatan. Tindakan kerajaan menahan terbitan *Asiaweek* 10hb November, sama seperti tindakan kerajaan menafikan visa dari Dr. Wang Weilou, semuanya menunjukkan kerajaan sedar bahawa ia tidak mempunyai alasan yang kukuh mengenai isu Bakun dan ini menyebabkan begitu waspada terhadap sebarang perbincangan dan perbincangan mengenai empangan Bakun.

Tuan Pengerusi, ini merupakan contoh-contoh terbaru yang dapat dilihat yang berkaitan dengan sikap kurang mengindahkan prinsip akauntabiliti dan ketelusan di dalam isu projek Bakun. Sepertimana yang dibentangkan dalam satu kertas kerja di Persidangan Bakun minggu lepas, WWF yang merupakan satu lagi pengkritik Bakun selain dari Dr. Wang—telah mengatakan bahawa projek Bakun telah membangkitkan keraguan mengenai kegunaan dan kredibiliti proses EIA di dalam negara kita, kerana sehingga kini telah wujud penipuan di dalam proses EIA, dengan izin, assessment in stages, unexpected changes in authority, retrospective legislation, disbanding of the EIA Review Expert Panel and inconsistent statements by both the authorities and the developer.

Tuan Pengerusi, bolehkah Parlimen diberitahu bahawa selain dari Malaysia, mana satu negara lain yang pernah menjadikan EIA sebagai satu sandiwara dengan membahagikannya kepada empat bahagian berasingan untuk diluluskan iaitu penyediaan reservoir, pembinaan empangan, talian penghantaran kuasa atas tanah dan litar penghantaran kuasa bawah laut?

Parlimen harus mengingati bahawa apa yang pernah dikatakan oleh seorang

pakar empangan bahawa, dengan izin, with the exception of nuclear power plants, no man-made structure has a greater potential for killing a large number of people than a dam. Sejak pertengahan abad ke-19, beberapa ratus rekod kegagalan empangan telah dicatat oleh pengkaji-pengkaji antarabangsa dan banyak lagi yang telah berlaku tanpa disedari, terutama sekali yang berlaku di negara-negara China dan Russia (USSR).

Risiko yang dihadapi oleh beratus juta orang yang hidup di sekitar hilir kawasan empangan telah diserlahkan awal tahun ini berikutan dengan pembongkaran bencana-bencana yang dicituskan oleh kegagalan empangan dalam tahun 1975 dan berikutan dengan memo Bank Dunia yang menunjukkan bahawa kebanyakan empangan di India adalah tidak selamat mengikut standard masa kini.

Menurut dokumen-dokumen kerajaan China, keruntuhan dua empangan besar dan lain-lain empangan kecil di kawasan Henan yang terletak di tengah negeri China pada Ogos, 1975 telah menyebabkan kematian seramai 230,000 orang. Kalau ini berlaku di Bakun habislah—bukan sahaja 8,000 orang penduduk asal di kawasan tadahan, bahkan juga di kawasan hilirnya seperti Sibu dan sebagainya.

Sehubungan ini, sebagai kementerian yang menggalakkan empangan Bakun, Yang Berhormat Kanowit harus menyedari tentang apa yang telah diperkatakan oleh seorang pakar empangan dari International River Network, Patrick Mc Cully dalam buku terbaru beliau mengenai empangan yang bertajuk "Unholy Temples", dengan izin, iaitu:

"The international movement against the building of large dams is gaining momentum not only because of the technology's terrible environmental and social record, but also simply because in many cases

dams do not do what their promoters claim. Dams are beset with technical problems, some of them inherent to the technology, some of them due to the lack of independent oversight of the process of getting dams built, which cause long construction delays and plague project performance, economics and safety.

Despite the oft-repeated claim that hydropower is a renewable energy, dams have a finite life span. Almost all reservoirs will eventually fill up with sediment—often much more quickly than predicted—and the dam structures themselves age and corrode.....

For many projects, the desire to build, spurred by corruption and the knowledge that profits and political advantaged will be made by some individuals and companies no matter how high the costs of the dam and how poorly it performs, mean that even the most basic technical and hydrological studies of planned dams are not done—or when done and found unfavourable for project feasibility, either interpreted with unjustifiable optimism, or just ignored.....A more accurate description of the impetus behind dam construction, however, would be 'building bias': the dam industry makes money by building dam, and considerations of whether or not their projects make good engineering, hydrological or economic sense are secondary to the desire to build".

Tuan Pengerusi, semasa Yang Berhormat Kanowit menggulung ucapannya beliau telah membuat satu dakwaan yang paling tidak berasas dan tidak selaras dengan statusnya sebagai seorang Menteri Kabinet Kanan. Beliau telah mendakwa Yang Berhormat Tanjong sebagai membangkitkan isu mengenai projek Bakun kerana mempunyai agenda-agenda sendiri.

Yang Berhormat Tanjong membangkitkan isu Bakun di dalam dan di luar Parlimen bukan disebabkan oleh agenda-agenda sendiri tetapi kerana perkara ini berkaitan dengan kepentingan kebangsaan dan awam dan kerana proses membuat keputusan terhadap perkara ini tidak menepati prinsip akauntabiliti dan ketelusan sama ada dari segi persekitaran, sosio-ekonomi, teknikal, kewangan ataupun dari aspek kadar tarif masa depan.

Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan perkara Bakun semasa perbahasan ke atas Belanjawan 1996 kerana pihak berkuasa yang berkenaan telah berulang-kali tidak menepati janji mereka mengenai isu Bakun menyebabkannya diselaputi dengan misteri dan rahsia.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa sudah cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, ada banyak muka surat lagi. Saya gulunglah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tanjong di Parlimen, Yang Berhormat Kanowit berkata bahawa pengatur kewangan untuk projek Empangan Bakun—RM15 bilion, ini belum diselesaikan lagi walaupun projek tersebut kini telah sampai ke tahap pelaksanaan hadapan di mana pembinaan terowong mengubah haluan Sungai Balui yang berharga RM147 juta telah pun dimulakan.

Satu lagi, elemen baru telah timbul di dalam kontroversi baru Bakun baru-baru ini sejak Yahya Ahmad mengambil alih 23% saham HICOM dari kerajaan. HICOM bersama dengan KWSP telah

dikatakan akan dipertanggungjawabkan dengan 49% dari beban kewangan yang dikehendaki oleh Bakun walaupun sehingga kini belum ada keputusan muktamad yang dicapai lagi.

Tuan Pengerusi, akhirnya bagaimanapun, dengan perubahan yang berlaku di dalam Bilik Lembaga HICOM yang telah mengambil keputusan untuk mengubah semua perniagaannya tidak berkaitan dengan industri automative, adakah ini bermakna para pekerja Malaysia menerusi KWSP akan dipaksa menanggung beban yang lebih besar dalam kewangan Bakun dan dihadapkan dengan risiko kewangan yang tidak sanggup ditanggung oleh badan-badan kewangan dan institusi-institusi antarabangsa.

Yang Berhormat Kanowit perlu menjelaskan kepada Parlimen sebab mengapa kementerian beliau telah membenarkan Ekran memulakan kerja ke atas pembinaan terowong mengubah haluan Sungai Balui sedangkan kementerian beliau belum lagi mengkaji Rancangan Pemindahan Biomass ataupun mengambil keputusan sama ada akan membentangkan rancangan berkenaan di Parlimen.

Tuan Pengerusi, sama ada daya maju Empangan Bakun ini boleh dipercayai, saya tidak tahu. Kita perlu satu kajian yang teliti untuk mengetahui sama ada reka bentuk projek Bakun sekarang adalah ketinggalan zaman kerana teknologi baru menunjukkan kebanyakan reka bentuk ini sudah ketinggalan zaman. Inilah masalah kita dan sama ada efisiensi akan mencapai 88%?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa sudah lebih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada banyak lagi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sudah lebih, saya beri Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Banyak lagi. Yang Berhormat-Yang Berhormat perlulah mengambil pusing mengenai masalah-masalah di hadapan kita. Kalau kita....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada lagi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya sudah beri masa yang lebih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Diminta kementerian menjawab.

5.05 ptg.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari Barisan Nasional yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan tentang Usul yang dikemukakan oleh Ahli dari Tanjong.

Nampaknya baru-baru ini Ketua Pembangkang ataupun Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah banyak menunjukkan minat kepada Projek Hidro Elektrik Bakun dan saya tahu bahawa ini adalah untuk kepentingan diri sendiri dan bukannya untuk kepentingan rakyat.

Mengemukakan Usul pada petang ini yang berbau....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, dia bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order 36(6) di mana tidak boleh sesiapa ada sangkaan jahat. Apa kepentingan sendiri? Kalau ada kepentingan sendiri, saya cabar Yang Berhormat Timbalan Menteri kata apa kepentingan sendiri? Janganlah kita keluar dari tajuk. Kita menumpukan perbincangan, perbincangan atas perkara di hadapan kita.

Saya ada mengatakan bahawa saya tidak ambil satu pendirian anti- Hidro Power Bakun tetapi pendirian kita ialah bahawa kerajaan perlu lebih transparent, lebih terbuka supaya semua data dan dokumen dibentang dan diumumkan supaya kajian boleh dibuat.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sudah beberapa kali mempergunakan dan memperalatkan isu Bakun ini untuk mengelirukan rakyat. Pengemukakan Usul pada petang ini jelas sekali adalah bermotif politik dan ini telah jelas sekali menunjukkan bahawa pihak pembangkang khususnya DAP telah pun bankrap isu. (*Tepuk*)

Satu isu sudah berapa kali, patutlah ia telah ditolak oleh rakyat dalam pilihan raya yang lalu baru-baru ini termasuk Ketua Pembangkang di Tanjong Bungah. (*Tepuk*) Perkara-perkara yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong....

**Tuan Chang Kon You:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Ipoh Timor bangun.

**Tuan Chang Kon You:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Kalau

saya tidak silap, dahulu pun DAP membuat banyak pembangkang dalam Parlimen berkenaan dengan banyak isu. Dua contoh, satu ialah apabila kerajaan hendak bina Jambatan Pulau Pinang, DAP juga bising. Ia juga membangkang tetapi kali ini, bila jambatan sudah dibina, pada pengetahuan saya yang banyak dan kerap sekali menggunakan Jambatan Pulau Pinang ialah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. *(Tepuk)*

Satu lagi contoh ialah masa kerajaan hendak membuat kereta Proton, DAP juga membangkang tetapi kalau tidak silap saya, ahli dari pembangkang juga yang banyak sekali menggunakan kereta Proton seperti Ahli Yang Berhormat dari Seputeh. Setuju atau tidak? *(Tepuk)*

Jadi, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju atau tidak bahawa DAP selalu menggunakan isu seperti ini untuk motif sendiri, bukan kerana kepentingan rakyat. Setuju atau tidak? *(Tepuk)*

**Dato' Chan Kong Choy:** Saya berpendapat bahawa apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor adalah tepat sekali. Bukan sahaja dia hendak menentang semasa pihak kerajaan.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order 36(1) ialah mengenai relevancy. Kita tahu nampaknya ada usaha untuk memperkecilkan, trivialise satu isu yang sangat mustahak, yang kita dengar Yang Berhormat dari Hulu Rajang, rintihan..... Rintihan rakyat Belaga tetapi untuk wakil-wakil MCA, menteri-menteri, Presiden pun masuk untuk tengok satu permainan politik. Ini tidak bertanggungjawab, ini satu insult kepada rakyat di Belaga. *(Tepuk)*

Yang Berhormat dari Hulu Rajang datang dengan suara rintihan rakyat di Belaga tetapi di sini, Ahli-ahli Parlimen main-main sahaja. Ini malu! Tidak ada standard! *(Tepuk)* Ini merosakkan martabat Dewan yang mulia. Ini malulah! Ada Presiden MCA di sini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat....

**Dato' Chan Kong Choy:** Sabarlah, Yang Berhormat. Sabar....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tengok, kita sabar..... Kita tengok.

**Dato' Chan Kong Choy:** Sebagai orang yang berpengalaman, sabar.... Kita orang baru. Sabar....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebentar. Yang Berhormat dari Tanjong sudah dua kali minta point of order, tetapi dia tidak minta ruling. *(Disampuk)*

**Dato' Chan Kong Choy:** Itulah standard DAP!

**Tuan Lim Kit Siang:** *(Menyampuk)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kalau Yang Berhormat hendak minta penjelasan, *(Disampuk)* minta penjelasan ya. Sila teruskan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Berbalik kepada Jambatan Pulau Pinang. Bukan dia sahaja hendak menentang, tetapi kalau dia kata ini siap dibina, dia terjun dari jambatan! *(Tepuk) (Ketawa)* Tuan Pengerusi.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat 36(6), sangkaan jahat, cakap bohong. Ini tidak pernah cakap. Mengikut Peraturan Mesyuarat 36(6), dia sebut saya cakap, tetapi saya tak cakap. Bohong!

Kenapa kita merelakan seorang pembohong bercakap di sini? Dan terus dia mahu bercakap bohong sahaja! Dia kata saya cakap. Saya tak cakap! Saya minta dia tarik balik!

**Dato' Chan Kong Choy** Yang Berhormat....pemimpin.....(Disampuk)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** (Menyampuk)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat....(Disampuk) Yang Berhormat, sebab saya tak dengar dia kata....

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan main-main! Selesaikan masalah rakyat jelata. Mahu main-main? Tangis, rintihan rakyat jelata dimainkan oleh pemimpin-pemimpin MCA! (Disampuk)

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya tidak dapat buat apa-apa ruling. Saya tidak dengar ada perkataan 'bohong'. Saya ingat komen-komen yang dikeluarkan seperti komen tentang prestasi perbahasan, itu biasalah. Sila.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong memang tidak merupakan perkara yang baru. Ia sudah beberapa kali dikemukakan ke Dewan yang mulia ini. Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong masih berdegil dan tidak mahu menerima hakikat bahawa kerajaan tidak pernah membuat keputusan supaya projek Bakun dibatalkan. Kabinet telah menyamak rekod mesyuaratnya dan mendapati tidak pernah membuat

keputusan bagi membatalkan Projek Bakun.

Ahli Yang Berhormat dari Rompin memberikan gambaran permintaan tenaga.....

**Tuan Lim Kit Siang:** (Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Dato' Chan Kong Choy:** ....negara yang tepat sekali.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, hendak beri jalan, tak? Tak beri?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak beri? Takut?

**Dato' Chan Kong Choy:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Rompin.....

**Tuan Lim Kit Siang:** (Menyampuk)

**Dato' Chan Kong Choy:** Duduklah, duduk! (Menyampuk) Tadi Yang Berhormat berucap, saya tidak ganggu! (Disampuk) Duduklah, duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tak beri!

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tak mahu beri, Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Awak bukan Speaker. Tak beri, kata beri, jangan takut!

**Dato' Chan Kong Choy:** Duduk! Duduklah! (Disampuk)

**Beberapa Ahli:** Hoi!

**Dato' Chan Kong Choy:** Orang yang

berpengalaman, macam itukah? *(Disampuk)* Mana standard? Jangan jatuhkan standard! Kena jaga standard Ketua Pembangkang! *(Disampuk)(Tepuk)*

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Rompin, dalam usaha kerajaan mengatasi masalah meningkatkan bekalan elektrik di seluruh negara, dia nampaknya lebih mahir daripada ramai pakar, saya ingin menekankan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ialah kerajaan yang bermaruah dan bertanggungjawab dalam mentadbirkan negara tanpa mendatangkan masalah kepada rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Rompin juga menyoalkan kewibawaan Dr. Wang Weilou, seorang asing yang sekarang sudah menjadi guru kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengenai hal ehwal yang ada kaitan dengan Bakun. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini.....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Chan Kong Choy:** Ini kawan, boleh. *(Ketawa)*

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin bercakap sedikit tadi, tetapi tidak diberi peluang oleh kerana masa terhad. Jadi, apa yang menarik perhatian saya, saya tidak dengar Yang Berhormat dari Tanjong. Saya dengar Yang Berhormat dari Kepong. Yang menarik perhatian saya ialah, Ahli Parlimen DAP melawat satu atau dua kali sahaja ke Bakun dan Dr. Wang mungkin tidak pernah meletakkan kakinya di Bakun dan mana-mana penulis di dalam surat khabar yang menulis rangka artikel dan keluar di dalam surat khabar itu berhubung dengan soal

Bakun dianggap betul dan berkualiti serta tidak ada yang salah lagi. Tetapi laporan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sarawak yang disebut oleh Yang Berhormat dari Bukit Mastadi, bertahun-tahun—15 tahun sudah dibuat disangsikan. Dalam kajian Kerajaan Negeri satu persatu, tiap-tiap rangka dikaji dan tidak boleh diterima. Jadi macam ini, kredibiliti DAP ini susah diterima. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri macam mana pandangan DAP ini? DAP kata kita tidak terima, tetapi DAP sendiri menerima Dr. Wang yang tidak tahu soal di Sarawak pun, dia terima. Penulis surat khabar masukkan rencana di dalam surat khabar mengatakan, "okay, betul." Mereka sendiri tidak pernah datang ke Kapit, Okay.

Tetapi rintihan daripada Yang Berhormat dari Hulu Rajang, kita terima. Dia menyokong. Rakyat Hulu Rajang menyokong. Tetapi rintihan yang dibuat itu, kita juga akur. Sebelum perkara itu berlaku, kita kena kaji supaya perkara itu jangan berlaku. Itu sahaja. Jadi Yang Berhormat, macam mana pandangan Yang Berhormat tentang soal ini?

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasihlah Yang Berhormat. Saya hendak cerita sedikit tentang Dr. Wang Weilou yang telah jadi Tok Guru kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengenai projek Bakun.

Sebenarnya, Dr. Wang Weilou tidak pernah membuat penganalisan terhadap kajian kemungkinan ataupun feasibility study mana-mana projek hidro, lebih-lebih lagi projek Bakun. Soal beliau tidak ada access kepada dokumen-dokumen Bakun tidak berkaitan. Ingin saya menegaskan di sini bahawa Dr. Wang Weilou bukan seorang pakar empangan hidro. Tidak.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga menyentuh tentang kecekapan projek Bakun. Sekali lagi dia telah merujuk

kepada Dr. Wang Weilou. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa projek Hidroelektrik Bakun adalah berbeza dengan projek hidro yang lain yang biasanya digunakan sebagai feeding plant.

Dalam kes Projek Hidroelektrik Bakun, ia adalah sesuatu based loop plant yang akan membekalkan tenaga elektrik sepanjang masa. Maka isu kecekapan berdasarkan perbandingan dengan projek-projek lain tidak timbul. Begitu juga dengan perkiraan kuasa yang dihasilkan. Ianya adalah berdasarkan kepada angka-angka kadar aliran semasa kajian dilaksanakan dan angka-angka ini tidak perlu dikhuatiri.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Rajang telah menyampaikan hasrat dan mesej pengundi dari kawasan yang terlibat dengan projek Bakun. Saya ingin memberikan jaminan sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa kepentingan semua penduduk yang terlibat ataupun dipengaruhi oleh projek Bakun akan diutamakan dan akan dijaga oleh pihak kerajaan.

Penempatan semula penduduk yang terlibat dengan projek Hidroelektrik Bakun akan diuruskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak yang mempunyai pengalaman luas dalam menangani hal ini. Kerajaan akan menentukan penduduk yang terlibat mendapat pampasan sewajarnya berdasarkan sebarang amalan dan perundangan yang sedia wujud.

Kerajaan Negeri Sarawak adalah dalam proses memantapkan rancangan penempatan semula pada masa sekarang dan rancangan keseluruhannya akan diumumkan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak tidak lama lagi. Walau bagaimanapun, teguran Ahli Yang

Berhormat dari Hulu Rajang dalam perkara ini akan diberikan perhatian dan pertimbangan yang serius sekali oleh pihak kerajaan kerana beliau seorang yang sangat bertanggungjawab. (*Tepuk*)

Yang Berhormat dari Kepong hendak quote sekali lagi mengenai *Asiaweek* yang mengatakan projek Bakun tidak mendapat sokongan daripada rakyat yang duduk di kawasan projek Bakun. Kita hendak percaya kepada *Asiaweek* atau kita hendak percaya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili rakyat dari Bakun (*Tepuk*) yang telah pun diberikan mandat yang begitu cukup oleh rakyat dari Bakun.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Dato' Chan Kong Choy: Tak payahlah, Tanjong. No need. No need. Maka, jawapannya.....

Tuan Billy Abit Joo: (*Bangun*)

Dato' Chan Kong Choy: Ha, Hulu Rajang, boleh. (*Disampuk*)

Tuan Billy Abit Joo: Saya mengucapkan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya ingin menceritakan sedikit tentang DAP, pengalaman mereka di Hulu Rajang. Dalam pilihan raya 1991, mereka pergi ke Bakun. Mereka meletakkan seorang calon di sana. Saya masa itu adalah dari pembangkang dan saya cakap, "Jangan, di sini orang tidak sokong DAP". Tetapi mereka cakap, "Kami sudah pergi rumah panjang. Semua sokong DAP". Tanpa disedari oleh mereka, rakyat Orang Ulu agak lain, mereka harus faham the working of their mind, the society. Jadi, kadang-kadang apa yang dikata di hadapan kita mungkin bukan hasrat mereka yang sebenar, as a matter of politeness dan sebagainya. Jadi, mereka yang pergi ke sana, "reporter" kah atau apakah, akan balik dengan satu cerita yang mungkin tidak benar dan saya berani mengatakan



di sini rakyat Belaga menyokong projek Bakun. (*Tepuk*) Bagi mereka inilah satu peluang untuk mengubah kehidupan mereka. Apa yang saya sebutkan tadi ialah sebab penempatan semula sekarang dalam perbincangan. Saya ingin memberi saranan dari rakyat di Belaga, bukan tidak menyokong projek Bakun dan betul juga dalam tahun 1991, DAP mengambil bahagian di Belaga dan mereka hilang wang pertaruhan. (*Tepuk*)

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Pengerusi, dengan penjelasan yang begitu terang sekali, saya haraplah pihak DAP jangan memutarbelitkan lagi sikap rakyat Belaga ini.

Tuan Pengerusi, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dan sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat, Kerajaan Barisan Nasional rela mendengar dan menerima teguran, pandangan dan cadangan yang membina dari semua pihak. Kerajaan sentiasa mengambil berat dan memberi kepentingan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Berdasarkan kepada inilah Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah membentangkan satu kenyataan khas (Ministerial Statement) mengenai projek Hidroelektrik Bakun di Dewan yang mulia ini pada 14hb. Ogos, 1995 dan pada 14hb. November, 1995 semasa menggulung perbahasan dasar ke atas Belanjawan telah sekali lagi menumpukan sepenuh masanya bagi menjawab isu-isu yang ada kaitan dengan projek Bakun. Di mana penerangan yang cukup jelas telah diberikan kepada Dewan yang mulia ini. Bagaimana jelas pun penerangan kami....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tidak payahlah. Bagaimana jelas pun penerangan

kami, pihak pembangkang khususnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak akan terima. Bagaimana jelas pun memang dia tidak akan terima. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Kepong lain sikitlah. Kadang-kadang dia terima. (*Ketawa*) Dia baik sedikit. Tetapi goodman, wrong party. (*Ketawa*) (*Tepuk*) Tetapi kami tidak akan berhenti untuk melaksanakan projek-projek kepentingan rakyat kerana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong seorang yang tidak suka. Kalau dahulu oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menentang projek Proton, habislah kita semua. Kita berhenti, maka kita akan berhenti. Tetapi sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, dalam proses melaksanakan pembinaan projek Hidroelektrik Bakun, pihak kerajaan masih bersikap terbuka, sedia menerima teguran, pandangan dan cadangan membina dari mana-mana pihak untuk memastikan projek Bakun dapat dilaksanakan sepertimana yang dirancang untuk kepentingan rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, dalam Jawatankuasa tidak ada gulung-menggulung Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10 dikurangkan daripada emolumen Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos di bawah Butiran 010000—Khidmat Bantuan, Program 010100—Pentadbiran Am dan Kod 10000—Emolumen. Satu usul di atas nama Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang telah dibahaskan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah wang sejumlah RM60,145,200 untuk Maksud Kepala Bekalan B.49 dan Kepala Pembangunan P.49 sekarang ini terbuka sekali lagi untuk dibahas. Ya, Tanjong.

5.25 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Pengerusi, saya sebut Butiran 010000 mengenai prestasi Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya sebenarnya tidak boleh memberi jawapan kepada beberapa point yang ada dikemukakan untuk usul saya.

Beliau kata bahawa Kabinet tidak pernah mengambil satu keputusan dalam bulan Mei 1990 untuk membatalkan rancangan. Bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan mengenai laporan yang ada di sini. PM—We care for the environment—Scrap Bakun. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat satu ucapan yang tidak benar? Tidak boleh jawab. Sampai sekarang tidak boleh jawab dan saya ada sebut beberapa keratan surat khabar. Predecessor Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos masa itu Dato' Seri S. Samy Vellu yang mengatakan projek Bakun sudah di "scrap" oleh Kabinet pada 23hb. Mei dan di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ini tidak benar, bahawa mereka ada semak rekod Kabinet. Mereka ada semak, kita tidak ada access tetapi kita percaya bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos masa itu tidak menipu dan tidak membohong. Tidak bohong dan kalau mereka tidak bohong, siapa bohong? Ini sangat nyata. Siapa bohong? Tentu ada orang bohong. *(Disampuk)* Bukan DAP. DAP mengikut apa Perdana Menteri kata. Ini main-main. Saya rasa suka hati sekurang-kurangnya ada Ahli

Parlimen ada martabat. Mereka tahu apabila didedahkan mereka mahu menggunakan isu ini untuk menjadikan satu arena atau gelanggang permainan MCA, boleh dibongkarkan oleh kerana masalah dan rintihan rakyat Belaga. Mereka malu, mereka tarik balik. Ini sekurang-kurangnya menunjukkan mereka masih ada sense of shame. Sense of shame! Kalau tidak Menteri-menteri MCA tidak datang ke sini mahu tengok sarkas. Mahu tengok satu sarkas tetapi sarkas tidak boleh diteruskan.

Tetapi saya mahu ucap tahniah kepada Yang Berhormat dari Hulu Rajang. Apa dia cakap tadi, rintihan rakyat Belaga, komuniti-komuniti Kenyah, Kayan, Penan mengenai masalah penempatan semula. Sebenarnya apa yang dia lahirkan ialah sebab-sebab kenapa usul saya tidak patut disokong. Sampai sekarang masalah-masalah rakyat di Belaga tidak dapat satu pakej yang memuaskan. Beliau kata bahawa rakyat Belaga rela korban untuk kepentingan negara. Saya mahu tanya, apa hak Yang Berhormat dari Hulu Rajang untuk mengorbankan masa depan penduduk-penduduk di Belaga tanpa satu pakej yang adil, yang saksama? Kita di sini tidak ambil satu pendiri anti Bakun tetapi apa yang kita mahu ialah segala maklumat sama ada ekologi, sama ada mengenai environment, mengenai teknikal, geologikal dan sosial, supaya disediakan dan satu keputusan yang boleh dibuat sama ada oleh Parlimen atau oleh rakyat. Sama ada projek Bakun wajar atau tidak wajar. Kita tidak kata kita anti projek Bakun. Apa yang kita menentang dan mengkritik ialah cara di mana kerajaan melaksanakan run through projek Bakun tanpa satu proses consultation dan kajian pada keseluruhannya. Sampai sekarang kita tahu bahawa apabila Kabinet mengambil satu keputusan untuk menghidupkan semula projek Bakun, ia dibuat tanpa EIA. Apa guna kita pergi ke Earth Summit mengenai komitmen kita kepada environment tetapi balik EIA menjadi satu mockery?

Tadi, apa yang kita dengar Yang Berhormat dari Hulu Rajang mengenai masalah tanah-tanah, rumah panjang dicerobohi untuk projek-projek awal, projek Bakun. Ini ialah satu tanda masalah yang lebih banyak yang akan timbul, oleh kerana kita tidak membenarkan segala maklumat-maklumat untuk diketengahkan sebelum satu keputusan dibuat mengenai Bakun.

Sekarang projek Bakun sudah bermula, Ekran sudah memulakan projek untuk diversion Sungai Balui dengan diversion untuk membina diversion tunnel, lebih kurang RM250 juta. Bagaimana Ekran boleh dibenarkan untuk memulakan kerja projek Bakun apabila semua EIA belum diluluskan dan kalau begitu tentulah rakyat di Belaga akan menjadi mangsa, kononnya demi kepentingan negara. Adakah ini sebenarnya demi kepentingan negara atau demi kepentingan segelintir orang sahaja? Segelintir orang sahaja yang akan menjadi lebih kaya-rya (super rich) dan rakyat Belaga akan menjadi super poor.

Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata dia beri jaminan bahawa rakyat di Belaga akan diberi keutamaan, dijagakan, bagaimana? Apa kuasa yang beliau beri, boleh beri jaminan? Kalau begitu kenapa kita dengar rintihan Yang Berhormat dari Hulu Rajang, kalau begitu kenapa Batang Ai satu mala pelaka (disaster), apa jaminan? Inilah kita perlu jadi iktibar bukan sahaja daripada program-program di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Dia kata bahawa Dr. Wang Weilou bukan seorang yang layak untuk memberi analisa-analisa. Siapa layak, kalau orang yang disifat sebagai orang yang tidak layak untuk memberi analisa-analisa mengenai Bakun Dam, kerajaan tidak mampu untuk memberi response, balasan atau jawapan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan sendiri tidak ada kes yang kuat yang boleh mendengarkan kepada orang ramai, mengumumkan semua laporan-laporan, kajian-kajian yang

ada dibuat mengenai projek Bakun supaya seterusnya boleh meyakinkan rakyat bahawa projek Bakun daripada semua aspek adalah baik.

Dalam *Asiaweek* yang terbaharu, ini bukan ditulis oleh orang asing, satu surat yang ditulis oleh Dr. K. T. Joseph, formally Professor of Land Use Studies, University of Malaya—bukan orang asing, pakar tempatan. Apa dia kata, dengan izin:

“The quote from University of Malaya Sarawak—Ghazali Ismail, the project impact would be enormous but not disastrous is not very comforting. Surely some elaboration on what he meant by “enormous” needed to be given. I believed that there are about 16 species of newly discovered plant species unique to the area. It is not clear whether these plants should be planted out, in which case, step should be taken now to have them reallocated elsewhere whatever the cost.

The 90 year old Kayan statement—the only people who agree with this dam are those who are going to make money is absolutely true. This is what capitalism is all about, the issue here really is how this displaced people especially the elderly should be compensated.

I agreed completely with the view that the Batang Ai project was a disaster as far as the displaced people were concerned. It is essential that new form of compensation be developed to cater particularly for the older members of the community so that their lives may continue unchange through natural term.”

Masalahnya ialah Parlimen, Dewan yang tertinggi dalam.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:  
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Batang Lupar, bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak ada masa. Okay, boleh berucap dalam masanya sendiri (*Ketawa*)—minta maaf ya!

Masalahnya ialah sama ada Parlimen atau Dewan yang tertinggi ini adalah satu Dewan yang peka terhadap segala rintihan rakyat Malaysia tidak kira mereka siapa. Tidak kira mereka Kayan, Kenyah atau Penan, tidak kira sama ada mereka daripada pedalaman atau adakah di sini untuk satu tempat permainan politik. Kita tidak mahu menggunakan ini sebagai satu permainan politik. Itulah masalah yang sah, legitimate problem. Kita harap bahawa kerajaan khasnya kementerian berkenaan boleh membuat satu kajian yang mendalam, tukar sikap dan mengumumkan segala kajian supaya rakyat khasnya penduduk-penduduk di Belaga tahu masa depan mereka dan jangan menghalaukan mereka menempatkan semula mereka sebelum satu pelan yang menyeluruh boleh diterima oleh semua pihak sebagai adil, wajar dan demi kepentingan bukan sahaja negara tetapi demi kepentingan penduduk-penduduk di Belaga. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Batang Lupar.

5.36 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar):** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya tidak akan bercakap sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, kerana macam mana rakan saya dari Hulu Rajang tadi katakan dan saya setuju, kadang-kadang the politeness orang di Sarawak itu disalahtafsirkan.

Kalau pendatang datang ke kampung bertanya satu perkara, walaupun ada rasa hati hendak mengatakan 'tidak', jawapannya biasanya ialah 'ya'. Ini supaya jangan mengubah air muka orang. Jadi, soalan yang sedemikian telah dieksploitasikan oleh pihak-pihak yang

tertentu dan telah mendatangkan disaster kepada pihak DAP (kalah dalam pilihan raya semasa mewakili kawasan tersebut).

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 010000—Khidmat Bantuan. Jadi saya ingin menyebut Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu jawatankuasa berhubung dengan projek Bakun. Jawatankuasa ini telah diarahkan untuk menyelidik perasaan, kemahuan dan sebagainya, soal pemindahan, ganti rugi, apa sahaja berhubung dengan pemindahan orang ataupun penempatan semula mereka yang terlibat dalam projek Bakun. Jawatankuasa ini telah diketuai oleh seorang Menteri dari negeri Sarawak. Jadi, di samping itu juga ada seorang masyarakat tempatan iaitu ketua masyarakat yang dihormati ramai bukan sahaja dari pihak kerajaan, tetapi juga di kalangan orang yang tidak menyokong kerajaan, telah dilantik ataupun melantik sendiri menjadi pengerusi jawatankuasa kampung. Jawatankuasa masyarakat ini juga telah membuat penyelidikan sendiri dan rata-rata yang saya tahu, kerana saya sendiri pernah berbincang dengan mereka ini, yang mereka tidak menghalang pembinaan projek Bakun. Jadi, apa yang dirintihkan oleh Yang Berhormat dari Hulu Rajang tadi ialah dua tiga perkara sahaja, iaitu ganti rugi, penempatan semula dan perhubungan masyarakat setempat ataupun masyarakat orang hulu dengan tanah. Sentimen yang sedemikian, Tuan Pengerusi, memang kita faham.

Saya juga mengenali betul Batang Ai. Soalan Batang Ai, Tuan Pengerusi, bukan masalah ganti rugi tidak mencukupi, tetapi masalahnya bila ganti rugi diberi orang mendapat 'money shock'. Dahulu ada orang kata kalau kita pergi daripada sini ke satu tempat dia kata 'cultural shock', tidak pernah tengok benda yang dahulu tidak dilihat, sekarang ditengok. Jadi, dia tidak tahu bagaimana, how to handle.

Saya percaya pada ketika itu, ketika Batang Ai diimplemenkan, duit datang

ke tangan segelintir masyarakat yang menerima ganti rugi ataupun pampasan dan duit itu tidak dibelanja atau tidak disimpan dengan sebegitu rupa. Dalam parti kita pun pernah berbincang mengenai soalan ini, Tuan Pengerusi, mengatakan mesti ada mechanism supaya ganti rugi ini jangan sepenuhnya diserahkan kepada orang yang punya, mungkin diserahkan dengan cara yang lain, dengan cara certificatekah ataupun share tanah dan sebagainya supaya duit ini tidak hilang begitu sahaja.

Jadi, rintihan orang dari Batang Ai dahulu bukan kerana ganti rugi tidak betul, bukan kerana kerajaan tidak beri ganti rugi dan sebagainya. Sebenarnya tindakan kerajaan consistent daripada awal. Jadi, apa yang berlaku kadangkadang, kita manusia biasa, tetapi apa yang ganjil dengan pihak pembangkang yang menyedihkan saya ialah, semenjak saya menjadi ahli Parlimen bila saya sampai ke Dewan ini pada tahun 1991 lagi saya sudah menyuarakan soal Bakun ini. Saya kata balak akan dihentikan pembalakkannya, minyak akan berhabisan rizabnya. Gas mungkin banyak, tetapi, penglibatannya masyarakat dalam industri itu berkurangan. Jadi, saya kata Bakun ini adalah satu cara untuk mengatasi, pertama, masalah tenaga, masalah penglibatan dan kerja orang setempat dan penglibatan orang setempat dalam satu-satu industri.

Jadi, bila saya menyuarakan ini, sampai sekarang pandangan saya masih consistent, saya menyokong dan begitu juga ahli-ahli Parlimen dari Sarawak, mereka menyokong, bahkan orang dari Belaga pun menyokong. Tetapi apa yang disangsikan atau apa yang kita hendak cadangkan supaya pengagihan tanah-tahan gantian, penempatan semula rumah-rumah mereka dan wang itu jangan diberikan sekali gus, diberikan secara syer atau apa juga yang mungkin tidak terus boleh dibelanja.

Tuan Pengerusi, inilah masalahnya. Bukannya masalah kerajaan itu tidak adil. Jadi, pihak DAP yang mengapi-apikan cerita yang sedemikian oleh kerana kurang jelas. Seumpamanya, profesor yang disebutkan tadi, menyentuh soal, dengan izin, the destruction of flora and fauna. Ini memang kita tidak hairan kalau orang melibatkan soal environmental, memang selalu bercakap cerita ini. Bahkan daripada Geneva Convention dahulu, bila diadakan Geneva Convention, soalan development tidak penting katanya. Soal environment itu the first.

Bagi kita di Malaysia, pendirian kita tegas. Kita mahukan pembangunan. Pembangunan itu adalah pembangunan masyarakat, pembangunan fizikal dan sebagainya. Kalau ada pembangunan dibuat di satu-satu tempat, di hutan atau di mana-mana, banyaklah kayu-kayu mati, flora dan fauna yang binasa tetapi ini membabitkan 0.5% tanah di Sarawak. Sedikit sahaja. Tetapi apa masalah yang DAP sibuk sangat ini?

Kita sudah lihat semua fakta-fakta. Orang yang 9,000 yang mungkin terbabit secara tidak langsung ataupun langsung akan ditempatkan semula. Saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Hulu Rajang, saya memang bersetuju. Dia kata, adalah diharapkan supaya kerajaan memberikan tanah yang tidak di 'submerge' oleh air itu nanti kepada pihak-pihak yang akan dialihkan itu. Ini saya bersetuju. Mungkin mereka hendak buat chalet, tempat peranginan yang terlibat dengan industri ini. Ini saya bersetuju, supaya masyarakat setempat terlibat sama dengan penajaan kuasa ini nanti dan terlibat sama dengan pembinaan Bakun ini nanti. Jangan mereka disisihkan. Ini saya bersetuju.

Soal yang dibangkitkan oleh rakan kita Yang Berhormat dari Ipoh tadi memang betul. Ada sahaja projek, dia kata tidak boleh. Proton keluar, Proton

tidak boleh, jambatan (Jambatan Pulau Pinang) keluar, jambatan tidak boleh. Ini Bakun keluar, Bakun pun tidak boleh. Tetapi apabila siap, mereka yang dahulu pergi ke sana.

Jadi, saya berharap pihak DAP ini kalau hendak kredibiliti sebagai wakil rakyat yang mewakili negara ini, tunjuklah kita punya kredibiliti, kredibiliti menimbangkan. Macam mana kita hendak percayakan Mr. Wang atau Wong atau apa dia, yang tidak pernah datang ke Bakun, tidak pernah membuat penyelidikan tentang hal Bakun kita terima bulat-bulat. Yang profesor dari Universiti Malaya atas apa sebab sekalipun dia menulis satu rencana mengatakan itu dan ini dia tidak nampak macam mana keadaan kedudukan hidup orang di Hulu Bakun sana dan apakah keadaan masyarakat Bakun itu nanti kalau penjana kuasa ini telah dibina. Ini tidak dilihat!

Jadi, soal negatif profesor ini saya tegurkan juga kerana profesor ini seperti orang banyak juga. Kalau umpamanya, seorang itu sayangkan anjing—anjing ini makan orang, mati orang itu, ada seorang peguam pergi untuk hendak membela anjing itu supaya anjing itu jangan dibunuh. Ini orang yang cintakan anjing lebih daripada cintakan manusia. Keadaan profesor ini pun samalah juga. (*Tepuk*) Perbandingannya memang sama, mentalitinya berlainan, tidak tahu mana prioritinya.

Tuan Pengerusi, saya berharaplah Yang Berhormat Kepong kalau hendak bercakap selepas ini cakaplah—tak payah bacakan kepada saya semua nama-nama dam di seluruh dunia itu. Saya pun baca juga. Dia baca, dia tidak tahu detailnya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tolong duduk! Tadi tidak beri peluang kepada saya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tadi saya beri juga.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Nanti Yang Berhormat boleh bercakap. Jadi, kalau Yang Berhormat tidak tahu detail mengenai projek di Bakun dan di Batang Ai, macam mana Yang Berhormat hendak tahu mengenai yang di negeri China itu. Memang dia tidak tahu, Tuan Pengerusi. Dia baca sahaja apa masalahnya.

Saya baru pagi tadi telah berjumpa dengan seorang yang baru balik dari negeri China. China akan membina satu dam yang terbesar lebih besar daripada yang ada di Bakun. (*Disampuk*) Saya berbincang pagi tadi sebelum saya berangkat, berjumpa dengan dia pukul 11.00 pagi sampai 11.15 pagi sebelum berangkat ke sini. Jadi, tidak timbul soalan dam itu akan pecah. Kalau Ahli Yang Berhormat dari DAP ini takut mati berlanggar di jalan raya, berhenti naik kereta. Orang banyak mati di jalan raya daripada mati berperang.

Jadi, kita soalnya, kita mesti pandang satu-satu, satu-satu isu itu at the right perspective. Kita tanya dengan kerajaan, sudahkah penyelidikan dibuat? Kalau Kerajaan Negeri sudah buat 15 tahun penyelidikan—semuanya telah dibacakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas tadi—15 tahun bukannya satu jangka masa yang pendek. Sekarang kita hendak implementasi the schedule programme—penyelenggaraan Bakun itu sudah dibuat, jadi, ia tidak boleh disisihkan lagi. Kalau kita terlambat pun, daripada dahulu hanya RM10 bilion kita dan sekarang sudah RM15 bilion. Kalau diimplement tiga tahun yang akan datang mungkin harganya RM20 bilion. DAP juga yang akan tanya kenapa tidak buat dahulu? Sekarang sudah jadi mahal, katanya.

Tuan Pengerusi, mereka ini sengaja buat supaya kita melakukan kesalahan. Apabila kita melakukan kesalahan, dia trap kita di sana! Jadi, jangan dengar cerita

mereka ini, sebab tidak boleh dengar melainkan apabila tiba satu peringkat di mana mereka menunjukkan kredibiliti mereka sebagai wakil rakyat yang betul-betul boleh diterima cerita mereka. Kita sudah tengok, Proton sudah success, dia marah juga—saya hendak buat satu jambatan di Batang Lupar tidak boleh buat sebab besar sangat. Kalau hendak buat itu memang DAP akan bawa pedang masuk ke Dewan hendak lawan, saya ingat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta gulung.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, projek ini saya menyokong dari awal dan inilah satu caranya untuk menggantikan masalah kehabisan pokok-pokok yang ditebang kita hendak preserve, kerana sebab mereka juga, mereka yang sentimen pokok jangan ditebang supaya kita hidup dengan pokok banyak, hidup dalam hutan, kita tak tebang. Ini kita hendak 'submerge' kan 0.5% tanah Sarawak pun tidak boleh juga, sebab kita hendak janakuasakan, kerana penggunaan kuasa elektrik pada tahun 2,000 akan bertambah. Kalau kurang kuasa elektrik nanti, DAP juga yang sibuk kata kita tidak buat cukup kuasa elektrik industri kita tergendala.

Tuan Pengerusi, jadi, semua tindakan sekarang adakah untuk pelan masa hadapan supaya kita bertindak negatif. Negatif mereka diberikan kepada kita supaya kita dipersalahkan pada masa hadapan. Jadi, dengan itu sendiri saya tidak menerima hujah-hujah yang dibuat. Kita sudah membuat penyelidikan, kajian tenikalnya, kita sudah panggil jurutera-jurutera daripada luar negara (oversea) selain daripada jurutera kita sendiri. Tetapi apalah pula doktor atau peguam dalam Dewan ini pandai hendak cerita hal Bakun pula.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Tanjong Karang. Saya ingat cukuplah kita berucap dalam perkara ini. Lepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.49 ptg.

**Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang):** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bersama-sama mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos pada petang ini.

Tuan Pengerusi, saya ini baru tujuh bulan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi saya sudah jemu dengar isu cerita-cerita basi yang dibangkitkan oleh parti pembangkang seolah-olah mereka ini sudah tiada isu yang hendak dicakapkan. Kalau Yang Berhormat Tanjong bangun bercakap, mesti isu Bakun, kalau Jelutong bangun bercakap mesti isu Wee Choo Keong dan kalau Kepong bangun bercakap mesti isu EIA. Jadi, tiga isu sahaja yang diperjuangkan dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, kita harap kepada parti pembangkang ini carilah modal-modal baru.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 030000—Kawalselia Telekom. Saya ingin menyentuh mengenai perkhidmatan telekom di luar bandar, khasnya di Tanjong Karang. Sekarang ini tiang-tiang telefon yang banyak terdapat di kawasan saya, iaitu di Tanjong Karang adalah tiang-tiang yang lama dan reput. Walaupun usaha-usaha telah dibuat oleh pihak Telekom untuk menggantikan tiang-tiang tersebut dengan tiang-tiang baru, iaitu tiang-tiang konkrit, tetapi segala penggantian tiang-tiang lama ini masih tidak mencukupi.

Di Tanjung Karang, tiang-tiang kayu yang lapuk ini amat merbahaya, kerana di Tanjung Karang ini banyak pokok-pokok kelapa yang tinggi-tinggi dan juga pokok-pokok kayu yang apabila hujan ataupun ribut, pokok-pokok ini akan tumbang dan akan menimpa wayar-wayar telekom dan menyebabkan tiang-tiang telefon ini patah. Sebagai satu bukti, dan contoh yang benar-benar telah berlaku di Tanjung Karang, pada 21hb Ogos, 1995, seorang budak lelaki bernama Saiful Rizal bin Ismail berumur 16 tahun telah meninggal dunia kerana dihempap oleh tiang telefon, di Parit Satu, Lorong Dua, Sungai Sireh.

Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Telekom di Kuala Selangor yang telah menyumbangkan sebanyak RM3,000 tanda simpati mereka kepada mangsa keluarga. Kes tersebut telah pun dilaporkan kepada polis, dan laporan kejadian tersebut telah pun dihantar kepada pihak Telekom. Tetapi hingga sekarang masih belum ada apa-apa jawapan. Saya telah difahamkan secara tidak rasmi bahawa pihak Telekom telah meminta supaya keluarga mangsa ini membawa kes ini ke mahkamah untuk menentukan berapa nilai tuntutan ataupun pampasan yang patut diberi kepada keluarga mangsa ini.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak Telekom, keluarga mangsa ini orang kampung. Kalau keluarga ini ingin menyelesaikan masalah ini di luar mahkamah, maka pertimbangan khas dengan sewajarnya patut diberi kepada keluarga ini. Dan pampasan yang sepatutnya patut dianugerahkan kepada keluarga mangsa ini sebagai tanda simpati kepada malapetaka yang menimpa ke atas mereka.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga, saya ingin mencadangkan supaya

peruntukan yang lebih patut diberikan kepada kawasan Tanjung Karang supaya peristiwa malang ini tidak berulang lagi. Tiang-tiang elektrik kayu itu patut diganti dengan tiang-tiang konkrit. Yang kedua, selain daripada tiang-tiang konkrit ini, saya ingin mencadangkan supaya digunakan kabel wayar yang ditanam di bawah tanah, semoga wayar-wayar yang berada di kampung-kampung tidak akan diganggu-gugat oleh mana-mana pokok yang tumbang di waktu musim ribut ataupun hujan.

Saya juga ingin mencadangkan supaya diberi tambah 'capacity line' ataupun keupayaan talian di Tanjung Karang, kerana pada hari ini di kawasan Parlimen saya sahaja ada 2,000 orang sedang menunggu ataupun dalam 'waiting list,' dengan izin, perkhidmatan telefon. Dan di seluruh kawasan barat laut Selangor, kita ada waiting list sebanyak 10,000 orang. Kerana pada hari ini kegunaan telefon bukan sahaja merupakan satu bahan yang mewah, tetapi merupakan satu bahan keperluan harian.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai kadar sewa talian Telekom yang tidak selaras yang sedang berlaku pada hari ini. Sekarang ini tiap-tiap 4 kilometer jaraknya dari ibu sawat Telekom, dikenakan bayaran sebanyak RM17.00 dan tambahan 50 sen dikenakan ke atas tiap-tiap tambahan 1 kilometer. Kadar ini dikenakan sejak dahulu, dan kebanyakan ibu sawat ini telah didirikan di kawasan-kawasan pekan. Tetapi pada hari ini, apabila Telekom menggunakan 'fibre optic' yang dipasang dalam kampung, maka fibre optic ini dianggap sebagai sebahagian daripada ibu sawat andaian, yang kadar sewa taliannya sama seperti kadar yang biasa. Tetapi pengguna yang mendapat perkhidmatan baru ini lebih beruntung, kerana jarak 4 kilometer dikira dari ibu sawat andaian yang telah



diwujudkan di dalam kampung-kampung ini. Bukannya jarak 4 kilometer ini dikira daripada ibu pesawat lama, sepertimana yang dikira kepada pengguna-pengguna yang lama. Sudah tentu kadar sewa untuk pengguna baru lebih jauh murah daripada pengguna-pengguna baru. Seolah-olah tidak ada keadilan di antara kadar yang dikenakan ke atas pengguna baru dan juga pengguna lama.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya Telekom mengkaji semula kadar sewa ini supaya dapat diselaraskan kadar sewa pengguna lama dan pengguna baru ini. Kerana kadang-kadang kita dapati di antara jiran mereka rasa tidak puas hati. Jiran sebelah yang baru masuk telefon membayar kadar sewa yang murah, tetapi yang telah lama mendapat telefon mereka terpaksa membayar kadar sewa yang lebih mahal.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai deposit yang telah dikenakan ke atas bayaran elektrik dan juga telefon. Memandangkan elektrik dan juga telekom pada hari ini telah pun diswastakan, maka saya ingin mencadangkan, jika boleh, deposit-deposit yang dibayar oleh pengguna-pengguna kedua-dua perkhidmatan tersebut hendaklah dijadikan sebagai syer. Kalau boleh ditimbangkan deposit itu sebagai saham ataupun syer pengguna kepada TNB dan juga Syarikat Telekom Bhd., yang mana kita harap kalau deposit ini dapat dihidmatkan sebagai subsaham, maka pengguna-pengguna yang ada deposit ini akan layak mendapat dividen ataupun bonus dari keuntungan kedua-dua syarikat tersebut. Saya ingin menyokong, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

**5.53 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan

Pengerusi, pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat kerana sudi mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan di peringkat Jawatankuasa, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan telah memberi segala teguran yang membina.

Dua orang Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan dari Batang Lupar telah membangkitkan beberapa isu yang ada kaitan dengan Projek Hidro Elektrik Bakun. Saya ingat sudah jelas maklumat telah pun diberikan kepada Dewan yang mulia ini dengan begitu jelas oleh pihak kementerian, khususnya oleh Yang Berhormat Menteri, maka saya tidak bercadang untuk mengulangi di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah mengemukakan beberapa masalah yang ada kaitan dengan tiang telefon yang lama di Tanjong Karang dan yang ada kaitan dengan tambahan kapasiti di kawasan beliau. Saya ucapkan terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat, dan saya haraplah Pegawai Telekom Malaysia yang ada di dalam Dewan yang mulia ini juga akan mengambil perhatian. Saya harap lebih baik kalau sekiranya selepas ini, pegawai yang berkenaan bolehlah jumpa dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang supaya bersama-sama mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang ini.

Mengenai dengan kemalangan yang berlaku, ini merupakan satu perkara yang amat dikesali. Cadangan Yang Berhormat untuk mengemukakan sagu hati ataupun pampasan kepada keluarga yang berkenaan, saya haraplah pihak yang berkenaan, iaitu Telekom Malaysia Bhd. juga akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Mengenai kadar sewa Telekom yang tidak selaras, kementerian memang sedar bahawa wujudnya masalah ini. Saya hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini sedang ditimbang oleh pihak kementerian dan telah sampai ke peringkat yang terakhir. Saya haraplah semasa kita mengemukakan cadangan kepada pihak Kabinet, kerajaan akan mengambil satu keputusan yang muktamad. Setelah cadangan dari pihak kementerian diterima oleh pihak kerajaan, saya haraplah masalah ini akan dapat diselesaikan.

Tentang deposit bayaran elektrik dan telefon, Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya dijadikan sebagai saham pengguna dan selepas itu diberikan dividen. Saya juga harap pihak yang berkenaan, iaitu pihak Telekom Malaysia Bhd. dan Tenaga Nasional Bhd. akan memberikan pertimbangan juga kepada perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM60,145,200 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM60,145,200 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM69,750,030 untuk maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan dan diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM69,750,030 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1996.

**Maksud B.50 (Jadual)—**

**Maksud P.50 (Jadual Pembangunan, 1996)—**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.50 dan Kepala Pembangunan P.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan terbuka untuk dibahas. Ya, Rompin.

6.01 ptg.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin):** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya mohon menyertai perbincangan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pembangunan Usahawan bagi Butiran 020000—Pelesenan, 050000—Pembangunan Usahawan dan 040000—Perancangan dan Dasar, Tuan Pengerusi, sekali.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya ingin mengalu-alukan usaha kementerian baru-baru ini bahawa akan diselaraskan pelesenan dari segi kadar dan pendekatannya—lesen-lesen untuk kenderaan, untuk perdagangan dan juga untuk pelesenan atau pendaftaran dengan khidmat kontraktor. Apa yang kita bimbang dalam perkara ini, mereka yang benar-benar hendak berniaga, terutamanya bumiputera yang berusaha tetapi kadangkala untuk mendapatkan lesen ini menjadi masalah kepada mereka. Tetapi mereka yang sekadar hanya menjual nama mereka tetapi tidak dari segi intipatinya, dari segi usaha, dari segi hati mereka dan minat mereka, tidak ada. Oleh kerana itulah timbul cerita-cerita 'Ali Babai' seperti yang kita selalu dengar.

Oleh itu saya minta dalam usaha kementerian mengemaskini dan menyelaraskan pemberian lesen ini, ambil kiralah mereka, pengusaha-pengusaha yang benar-benar mahu menerokai bidang pengangkutan, dari segi pelesenan kenderaan dan juga dari segi mereka yang

hendak berniaga sebagai pemborong, yakni di bawah Pusat Khidmat Kontraktor-kontraktor. Kadang-kadang mereka ini yang mempunyai lesen kelas A, lesen kelas yang tinggi-tinggi, nampaknya ada satu harga, bila hendak menender projek-projek besar, kerajaan memang sebagai dasar memerlukan mereka yang mempunyai lesen tertentu hanya membenarkan mereka yang memiliki lesen tertentu untuk memasuki tender-tender yang besar, tetapi yang digunakan hanya nama sahaja, dan mereka yang benar-benar hendak berniaga, berusaha sebagai pemborong tidak dapat menyertai, oleh kerana mereka ini mungkin kemudian memasuki pasaran pemborong tetapi mereka ini merupakan jurutera-jurutera profesional, merupakan pengusaha-pengusaha yang betul-betul ada tekad dan ada usaha yang tulen, tetapi mereka terkeluar tidak memasuki pasaran untuk menender oleh kerana mereka tidak ada lesen.

So, akan datang saya minta supaya kementerian bila ada mereka yang memohon lesen ini, janganlah kongkong oleh kerana sudah ada satu jumlah yang mendaftar, yang baru yang ada minat yang ada potensi itu tidak diberikan peluang oleh kerana kononnya sudah cukup jumlah dalam pasaran. Inilah dari segi perkara 020000.

Dari segi penyelarasan 030000 kita lihat banyak agensi yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan usahawan dan bumiputera. Mungkin tanggungjawab agensi ini ada di antaranya yang menggalakkan pasaran, ada yang menyediakan prasarana latihan, ada yang menyediakan kemudahan kewangan tetapi kadang-kadang tidak diadakan satu penyelarasan bagi bumiputera mendapatkan kemudahan itu. Untuk mendapatkan latihan dia pergi agensi yang lain, untuk mendapatkan bantuan pasaran dia pergi kepada agensi yang lain juga. Mengapa tidak dalam usaha kementerian

untuk menyelaraskan dan saya kira ini sudah menjadi satu matlamat dan tujuan kementerian mengadakan konsep penyelarasan ini dan kalau kita minta supaya dalam penyelarasan ini bukan hanya penyelarasan tugas tetapi kalau boleh dari segi tempat fizikalnya sekali, disatukan. Tidak tahulah kadang-kadang di Kuala Lumpur ini untuk pergi kepada satu bangunan kepada bangunan yang lain, untuk pergi kepada satu agensi kepada agensi yang lain, mungkin makan masa yang panjang, jadi dapat disatukan sebagai satu one-stop-agency atau satu pusat serenti, serenti sudah lain pergi dah (*Ketawa*), pusat menyelaraskan bantuan-bantuan ini supaya seorang bumiputera usahawan yang mempunyai satu niat yang baik, satu usaha, satu tekad yang tinggi, mereka ini tidak dihantar daripada satu agensi kepada agensi yang lain, Tuan Pengerusi.

Perkara ketiga, Tuan Pengerusi, dari segi pembangunan usahawan. Kita mengucapkan syabaslah kepada kementerian banyak pendekatan baru kita dengar. Mentor dan mentee sebagai contoh, yang vendor dan vendi dan baru-baru pula kita ada dengar juga satu program saya baru dapat satu jemputan saya nampak, di pelancaran usahawan, ini untuk syarikat-syarikat bukan bumiputera, ya, tetapi programnya untuk membangunkan usahawan bumiputera tetapi atas naungan payung syarikat bukan bumiputera.

Saya nampak ini satu usaha yang amat baik. Kalau dahulu pertanggungjawaban membangun usahawan bumiputera ini hanya diletakkan sebagai agenda bumiputera sahaja tetapi sekarang nampaknya pembangunan usahawan bumiputera ini merupakan agenda nasional, agenda negara dan agenda semua pihak. Ini bukan satu pendekatan yang bukan etnik yang sungguh kita alukan dan kita minta supaya program-program di mana syarikat bukan bumiputera membangunkan syarikat bumiputera. Ini

satu usaha yang baik dan kita ucapkan syabas kepada mereka. Kepong tidak tahulah, kalau dia, setuju Kepong? *(Ketawa)*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila, sila. Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebab dia kacau saya, dia angkat tangan tadi. *(Ketawa)* So itulah, usaha-usaha yang begini, kita ucapkan syabas, *(Ketawa)* usaha-usaha sekarang bahawa pembangunan usahawan bumiputera, penyelesaian mengenai masalah bumiputera bukan merupakan hanya agenda bumiputera sahaja, ia merupakan agenda kita semua. Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Tambun

6.08 pig.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun):** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya ingin menyentuh butiran 020100 iaitu Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung.

Saya ingin menyentuh tentang masalah 'Ali Baba' Tuan Pengerusi. Dalam sektor pengangkutan, terutama lori, 'Ali Baba' dilaksanakan dalam dua cara. Pertama, permit atau lesen diluluskan kepada bumiputera disewa kepada bukan bumiputera. Kedua, bumiputera yang menerima lesen atau permit akan bekerja dengan syarikat bukan bumiputera dengan mendapat gaji bulanan.

Aktiviti seperti ini menjejaskan dasar-dasar kerajaan. Pertama, kalau dari segi statistik dan data kerajaan, menunjukkan kelulusan permit atau lesen kepada

golongan bumiputera, kita andaikan, katalah 1,000 setahun, tetapi dari segi realitinya mereka hanya mendapat sewa bulanan ataupun makan gaji. Jadi, statistik atau data ini tidak memberi gambaran sebenar. Keduanya ia menggagalkan usaha kerajaan untuk melahirkan usahawan bumiputera berwibawa dalam sektor pengangkutan. Saya berharap bahawa kementerian akan mengambil tindakan tegas ke atas masalah ini. Saya dapati bahawa antara masalahnya ialah bumiputera tidak mempunyai modal yang cukup. Saya berharap kementerian dapat mengkaji cara penyelesaiannya dan formula-formula bagaimana usahasama secara tulen dapat diwujudkan.

Kedua, saya ingin menyentuh Butiran 080000—Majlis Amanah Rakyat. Kewangan adalah faktor penting untuk menjamin kejayaan organisasi mencapai matlamat dan objektifnya. Untuk mengetahui kedudukan kewangan organisasi serta menilai prestasi dan efisiensi kewangan semasanya, dokumen terpenting yang digunakan adalah laporan tahunan dan laporan kewangan.

Tuan Pengerusi, untuk makluman, MARA sehingga ini hanya baru mampu mengeluarkan laporan tahunan bertarikh 31hb. Disember, 1992. Saya berharap pihak kementerian akan mengambil tindakan tegas supaya laporan tahunan yang lebih up-to-date dapat dikeluarkan.

Berasaskan kepada penyata kewangan pada 31hb. Disember, 1992, ada beberapa isu yang ingin saya bangkitkan. Pertama, dari segi pendapatan. Saya dapati bahawa MARA memiliki aset pelaburan iaitu dalam bentuk wang tunai, dana jangka pendek, pelaburan dalam subsidiari, syarikat bersekutu dan lain-lain pelaburan stok kerajaan dan pinjaman kepada usahawan berjumlah RM1.4 bilion. Tetapi pada tahun berkenaan, MARA mengalami lebih perbelanjaan sebanyak RM69.8 juta.

Mengenai dengan pengurusan aset, pelaburan dalam subsidiari berjumlah RM300 juta, rosot pelaburan adalah sebanyak 45.5%. Ini bermakna bahawa pelaburan dalam subsidiari mengalami kemerosotan nilai, tentu akibat daripada subsidiari yang menghadapi kerugian.

Pinjaman kepada subsidiari berjumlah RM115 juta, menunjukkan bahawa subsidiari-subsidiari dalam MARA menghadapi masalah dan tekanan wang. Dan yang lebih membimbangkan, peruntukan hutang ragu ke atas pinjaman kepada subsidiari adalah sebanyak 50.5%.

Satu perkara lagi saya dapati dalam penyata kewangan, pinjaman kepada kakitangan MARA berjumlah RM110 juta; satu jumlah yang cukup besar dan peruntukan ragu ke atas pinjaman kepada kakitangan MARA adalah sebanyak 7%.

Hutang pelajaran sebanyak RM782 juta dan peruntukan hutang ragu sebanyak 43.3%. Pinjaman kepada usahawan berjumlah RM230 juta dan peruntukan ragu sebanyak 74.7%.

Tuan Pengerusi, saya mengemukakan data-data dan statistik-statistik bagi menunjukkan kepada kita bahawa MARA menghadapi masalah kewangan. Pertama, pelaburan-pelaburan mengalami kerugian. Ini menggambarkan bahawa pengurusan pelaburan yang tidak cekap. Yang kedua, pengurusan kewangan dan sistem kawalan pinjaman yang tidak cekap dan efisien. Ketiga, pengurusan pinjaman usahawan yang dilaksanakan tidak begitu baik.

Saya dapati bahawa MARA memerlukan pendekatan profesional, kakitangan-kakitangan pengurusan yang profesional dan berpengalaman bagi mengendalikan pengurusan pelaburan kewangan dan pinjaman. Sistem pengurusan pelaburan yang sistematik dan profesional harus dilaksanakan. Pengawasan efektif ke atas pelaburan

dan prestasi syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu hendaklah dijalankan. Pengambilan kakitangan pengurusan dan eksekutif profesional yang berpengalaman amat perlu.

Tuan Pengerusi, saya ambil contoh, ladang MARA di Sitiawan yang seluas lebih kurang 4,000 ekar, tidak mendapat keuntungan yang banyak, malahan kerap kali menghadapi kerugian. Saya yang terlibat sebagai salah seorang eksekutif di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam di negeri Perak sebelum saya menjadi Ahli Parlimen telah membuka sebuah ladang 1,000 ekar yang hampir berdekatan dengan kawasan tersebut, yang dibuka lima tahun selepas MARA membuka ladang.

Setiap bulan, ladang di perbadanan mendapat keuntungan bersih di antara RM200,000 hingga RM300,000. Dalam siasatan saya ke atas ladang MARA, didapati bahawa pengurus-pengurus dan kakitangan ladang tidak begitu berpengalaman. Dalam pembelian benih, mereka membeli benih yang substandard yang akhirnya mengakibatkan 'yield' untuk satu hektar ladang MARA lebih rendah daripada ladang-ladang biasa.

Dan banyak contoh yang boleh saya beri untuk menunjukkan kelemahan-kelemahan. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya akan menghantar dokumen kepada pihak MARA.

Saya ingin juga menyentuh Butiran 00614—Bangunan Perniagaan. Di dalam penyata laporan tersebut, menyatakan bahawa MARA membangunkan empat jenis bangunan perniagaan iaitu arked, rumah kedai, bazar dan bengkel kecil.

Untuk Belanjawan 1996, sebanyak RM16 juta telah diluluskan untuk membina bangunan perniagaan. Apa yang ingin saya sentuh, saya berharap pihak kementerian pada masa-masa yang akan

datang akan memberi tumpuan kepada pembangunan bangunan perniagaan, kerana bandar merupakan pusat pentadbiran kewangan, perdagangan dan sosial. Kita penting meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor bandar ke arah untuk mengukuhkan penguasaan bumiputera dalam sektor ekonomi.

Sehubungan dengan usaha untuk mendirikan bangunan perniagaan, saya juga berpendapat bahawa daripada konsep arked, rumah kedai atau bazar, pihak Kementerian hendaklah menukar konsep kepada konsep pasar raya kerana inilah konsep yang lebih mendapat perhatian daripada pembeli-pembeli dalam keadaan ekonomi zaman kini.

Saya juga berharap bahawa pihak Kementerian akan mengarahkan MARA untuk memberi tumpuan kepada kawasan majoriti bumiputera yang masih terdapat di negara kita ini begitu banyak sekali yang tidak mempunyai bangunan-bangunan perniagaan, bukan sahaja daripada MARA, malah daripada agensi-agensi yang lain. Dan kawasan-kawasan ini mempunyai potensi pasaran yang cukup besar.

Saya percaya kalau ....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Yang akhirnya.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya percaya kalau MARA dapat memberi perhatian kepada kawasan ini, bukan sahaja menguntungkan pelaburan MARA, malahan akan menguntungkan bumiputera. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Bukit Bintang.

6.09 ptg.

**Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, terima kasih di atas keizinan. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B.50 Butiran 020000—Pelesenan khasnya kenderaan awam dan teksi.

Saya difahamkan bahawa di Lembah Kelang ada lebih kurang 15,000 unit lesen teksi telah diluluskan. Ini merupakan bahawa satu golongan kenderaan awam yang terbesar sekali di negara kita. Mengikut angka ini sepatutnya orang ramai tidak ada masalah untuk mendapat perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur dan kawasan berhampiran.

Tetapi mengikut realiti, kita lihat bahawa orang ramai tidak dapat perkhidmatan teksi pada masa yang sibuk pada pukul 4.00 atau pukul 5.00 petang dan pada waktu pagi di antara pukul 8.00 hingga pukul 10.00 pagi.

Tuan Pengerusi, kekurangan perkhidmatan teksi pada masa ini adalah kerana kesesakan trafik. Jikalau pemandu teksi pada masa itu terlibat di dalam kesesakan trafik, dia akan rugi wang kerana sewa harian teksi dan lain-lain caj adalah lebih kurang RM100.00 sehingga RM120.000. Oleh kerana itu, tambang teksi rasmi pada masa ini membenarkan kenaikan. Oleh kerana tambang teksi rasmi pada masa ini tidak membenarkan kenaikan tambangnya sebanyak 10 sen setiap 10 second. Jikalau teksi terlibat dalam kesesakan trafik dia hanya mendapat RM4.00 satu jam. Oleh sebab itu, semua teksi ingin mengelakan kawasan pusat bandar pada masa itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat itu tidak termasuk di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Tidak cukup tambang teksi itu bukan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan.

**Dr. Lee Chong Meng:** Bukan, bukan saya hendak sentuh masalah tambang sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Tambang itu tidak termasuk di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan.

**Dr. Lee Chong Meng:** Baiklah saya mengikut arahan. Bagi Butiran 070000—UDA atau berkenaan dengan Perbadanan Pembangunan Bandar, saya ingin membangkitkan masalah-masalah di Kuala Lumpur kepada Dewan yang mulia ini, bahawa pada masa ini di Kuala Lumpur banyak bangunan-bangunan atau kedai-kedai yang telah diambil alih oleh UDA sejak 15 tahun dahulu dan setakat ini bangunan-bangunan itu belum dirobohkan dan dibina semula selepas 10 tahun dan pada masa ini akibatnya, ini akan merosakkan imej negara kita, khasnya Kuala Lumpur kerana kedai-kedai yang telah diambil oleh UDA di Jalan Sultan, Jalan Tun S.H. Lee dan lain-lain di Kuala Lumpur hanya diperkuatkan oleh kayu-kayuan dan ini sangat merbahaya.

Kedai-kedai itu akan runtuh jika tiada tindakan sesuai yang diambil. Saya mencadangkan supaya jikalau UDA tidak dapat membina semula bangunan-bangunan atau kedai-kedai bersejarah, silalah swastakan projek-projek itu untuk melicinkan pembangunan semula bangunan lama di Kuala Lumpur.

Saya harap, pihak kementerian akan mengkaji semula semua dasar pengambilan kedai-kedai lama di Kuala Lumpur kerana dasar ini tidak adil. Pemilik-pemilik kedai itu telah lama mempunyai kedai-kedai itu dan jikalau pihak kerajaan hendak membaharui bangunan-bangunan itu saya yakin, pemilik-pemilik kedai itu akan terima cadangan kerajaan untuk mengindahkan bangunan-bangunan di ibu kota kita. Saya dengan ini ingin memohon menyokong.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kangar.

6.25 ptg.

**Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar):** Tuan Pengerusi, terima kasih di atas kesudian Tuan Pengerusi mengizinkan saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam memberi pendapat dalam Maksud B.50—Kementerian Pembangunan Usahawan. Sehubungan dengan itu sukacita saya menumpukan perhatian kepada Butiran 060000—Bahagian Francais dan 050000—Pembangunan Usahawan.

Sehubung dengan Pembangunan Usahawan, sukacita juga saya kaitkan dengan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan pada 6hb. Disember yang lalu bahawa kementerian ini dalam usaha-usaha membangunkan usahawan, baik bumiputera atau bukan bumiputera menyediakan berbagai-bagai kemudahan tabung. Antaranya ialah Tabung Usahawan Baru dengan peruntukan RM800 juta dan dengan dikenakan kadar faedah 5%, Tabung Industri Bumiputera dengan peruntukan sebanyak RM100 juta dengan kadar faedah 5% juga, Tabung Industri Makanan dengan peruntukan RM500 juta dengan kadar faedah 4% dan seterusnya Tabung Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil, 1992 dengan peruntukan sebanyak RM160 juta dan tidak dikenakan apa-apa faedah. Ini merupakan satu usaha oleh kementerian ini yang patut kita banggakan dan memberikan kerjasama, tambah-tambah lagi dengan tenaga baru yang ada pada kementerian ini—Menteri pun muda dan Timbalan Menteri pun muda.

Namun begitu, dalam usaha yang banyak begini, kita dapati dari segi tenaga kerja tidak berubah di mana pada tahun 1995 dan 1996, masih juga 27. Dalam membangunkan usahawan ini saya dapati sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Rompin tadi bahawa kerja yang gigih ditunjukkan untuk mencantumkan usaha-usaha di antara

bumiputera dengan bukan bumiputera sepertimana yang telah dijelaskan tadi dan kita berharap supaya pengusaha-pengusaha bumiputera ini sentiasa belajar dan bekerjasama dengan usahawan bukan bumiputera, terutama sekali, yang menjadi masalah ataupun pemahaman awal pada usahawan bumiputera kita ialah tentang modal semata-mata. Tetapi sebenarnya dalam usahawan ini banyak lagi perkara-perkara yang perlu dititikberatkan, terutama sekali dari segi pengeluaran, penjenamaan, logo, pengiklanan, proses, pemasaran dan juga promosi yang kita dapati kurang melibatkan bumiputera pada masa ini.

Namun begitu, saya percaya perkara ini dapat diusahakan oleh kementerian ini memandangkan baru-baru ini dalam akhbar pun didapati kementerian ini sedang menjalankan usaha untuk mengutip data-data usahawan-usahawan di seluruh negara. Kalaupun kita dapati usahawan bumiputera tidak melibatkan kerjasama dengan bukan bumiputera, saya yakin perkara 060000—Bahagian Francais tidak akan berjaya.

Sekarang kita dapati apabila orang membeli sesuatu barang bukan sahaja ditengok pada produk tetapi ditengok pada jenama. Sebab kebanyakan sekarang tertumpu kepada imej, begitu juga dari segi kualiti barangan dan ini juga bergantung kepada promosi dan iklan yang berpanjangan. Suatu masa dahulu apabila kita sebut ubat sakit kepala—disebut Aspro. Sekarang oleh kerana iklan tidak berjalan, Aspro luput, pada hal Aspro juga berkesan dari segi untuk ubat sakit

kepala, tetapi hari ini apabila disebut ubat sakit kepala, tidak sebut ubat Aspro tetapi disebut “tolong cari Panadol”. Begitu juga dari segi ubat gigi—dia tidak sebut “ubat gigi”, dia sebut “tolong beli Colgate”.

Jadi, ini menunjukkan bahawa usahawan yang berpengalaman seperti ini kita patut mengambil contoh supaya kita jadikan tauladan untuk kita juga berjaya. Walau bagaimanapun, kementerian ini juga berusaha, walaupun tidak berjaya dari segi francais di mana suatu masa dulu kita tengok dalam berita TV—Murtabak Pak Din, tetapi tidak berjaya. Hari ini barangkali sudah luput Murtabak Pak Din, kerana saya percaya proses-prosesnya—usaha ini didapati melompat langkah-langkah yang perlu dilalui misalnya pengeluaran seperti yang saya sebutkan tadi, tetapi jika jenama murtabak tidak disebut, logonya tidak ada, dari segi kaedah pemasaran pun tidak ada. Saya percaya perkara-perkara macam inilah yang perlu kita .....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, diminta sambung besok.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*